

UNSUR PATRIOTISME DALAM NOVEL *LEFTENAN*  
*ADNAN WIRA BANGSA* : SATU KAJIAN BERDASARKAN  
PENGAPLIKASIAN TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

NUR HANIS BINTI MOHD RAMLEE

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN  
KELANTAN

2023



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

UNSUR PATRIOTISME DALAM NOVEL *LEFTENAN ADNAN WIRA*  
*BANGSA* : SATU KAJIAN BERDASARKAN PENGAPLIKASIAN TEORI  
PENGKAEDAHAN MELAYU

NUR HANIS BINTI MOHD RAMLEE

C19A0522

UNIVERSITI  
TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI  
MEMENUHI KEPERLUAN UNTUK IJAZAH

SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

MALAYSIA  
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
KELANTAN

2023

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

TANDATANGAN

TANDATANGAN PENYELIA

Hanis

Nur Hanis Binti Mohd Ramlee

Dr. Afidatul Syazwani Binti Afandi

C19A0522

Tarikh :20/02/2023

Tarikh :20/02/2023

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang.

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah SWT dengan limpah dan izin-Nya, maka telah sempurna kajian ini dengan jayanya. In sha'Allah, kajian ini akan memberi manfaat kepada saya dari segi pengetahuan dan juga pengalaman yang diperoleh sepanjang pelaksanaan kajian dan pada masa akan datang.

Saya, Nur Hanis Binti Mohd Ramlee mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia tesis saya iaitu Dr. Afidatul Syazwani Binti Afandi yang telah membimbing dan berkongsi ilmu sejak kajian ini bermula sekali sehingga kajian ini disudahkan dengan baik. Selain itu, banyak-banyak terima kasih juga diucapkan kerana tidak jemu-jemu memberi sokongan moral serta mempercayai akan keupayaan saya untuk menjalankan kajian ini.

Tidak dilupakan juga rasa syukur dikurniakan ibu dan ayah yang hebat di samping sentiasa menyokong dari sudut fizikal serta mental sepanjang menjayakan kajian. Tanpa kata-kata dorongan yang sering dibisikkan sebagai pemangkin semangat mana mampu kajian ini disempurnakan dengan sempurna. Turut menghargai dengan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan kerana setia di sisi dengan memberi semangat sesekali turut menyumbang buah fikiran serta cadangan ketika diperlukan.

Sesungguhnya, segala jaga dan pengorbanan yang dihulur oleh semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung amat saya hargai dan semoga Allah SWT membalas jasa kalian dengan dengan sebaik-baik balasan.

Sekian, terima kasih.

Nama : Nur Hanis Binti Mohd Ramlee  
Alamat : 74B Jalan Bendahara, Felda Pasir Raja,  
81050 Kulai, Johor  
No. Tel : 019-7665998  
Email : hanis.c19a0522@siswa.umk.edu

## Jadual Kandungan

	Kandungan	Halaman
	Pengesahan Tesis	i
	Penghargaan	ii
	Jadual Kandungan	iii
	Abstrak	v
	Abstract	vi
Bab 1	Pendahuluan	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	6
1.6	Permasalahan Kajian	8
1.4	Persoalan Kajian	11
1.5	Objektif Kajian	12
1.6	Skop Dan Batasan Kajian	13
1.7	Kepentingan Kajian	
	1.7.1 Individu	14
	1.7.2 Masyarakat	14
	1.7.3 Universiti	15
	1.7.4 Negara	15
1.8	Definisi Operasional	
	1.8.1 Patriotisme	17
1.9	Organisasi Bab	19
1.10	Rumusan	21
Bab 2	Tinjauan Literatur	
2.1	Pengenalan	22
2.2	Tinjauan Literatur Berkaitan Patriotisme	22
2.3	Tinjauan Literatur Berkaitan Noverl Leftenan Adnan Wira Bangsa	26
2.4	Tinjauan Literatur Berkaitan Teori Pengkaedahan Melayu	29
2.5	Rumusan	32
Bab 3	Metodologi Kajian	
3.1	Pengenalan	33
3.2	Rekabentuk Kajian	34
3.3	Kaedah Kajian	
	3.3.1 Kaedah Analisis Tekstual	35
	3.3.2 Kaedah Teoritikal	36
3.4	Instrumen Kajian	39
3.5	Rumusan	40
Bab 4	Analisis Dan Dapatan Kajian	
4.1	Pengenalan	41
4.2	Unsur Patriotisme Dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa	
	4.2.1 Sikap Rela Berkorban	42
	4.2.2 Semangat Cinta Kepada Negara	46
	4.2.3 Semangat Kekitaan	48
	4.2.4 Sikap Berjuang Menuntut Kemerdekaan	52

4.3	Unsur Patriotisme Dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu Menerusi Pendekatan Moral	
4.3.1	Sikap Rela Berkorban	57
4.3.2	Semangat Cinta Kepada Negara	61
4.3.3	Semangat Kekitaan	64
4.3.4	Sikap Berjuang Menuntut Kemerdekaan	69
4.4	Kepentingan Unsur Patriotisme Dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa Kepada Masyarakat	
4.4.1	Melahirkan Masyarakat Yang Berbakti	74
4.4.2	Membentuk Warganegara Yang Cinta Kepada Negara	78
4.4.3	Membangkitkan Semangat Perpaduan Antara Masyarakat	80
4.4.4	Meningkatkan Semangat Kebangsaan Dalam Diri Masyarakat	84
4.5	Rumusan	88
Bab 5	Perbincangan, Cadangan, Implikasi Dan Penutup	
5.1	Pengenalan	89
5.2	Perbincangan	90
5.3	Cadangan	93
5.4	Implikasi Kajian	95
5.5	Penutup	97
	Rujukan	98

## ABSTRAK

Kajian terhadap unsur patriotisme sememangnya masih memerlukan penelitian yang mendalam bagi membangkitkan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat. Kajian ini merupakan sebuah kajian yang menjalankan penelitian terperinci terhadap unsur patriotisme yang terkandung di dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*. Hal ini demikian kerana unsur-unsur patriotisme menerusi novel ini merupakan salah satu media pendidikan yang boleh dimanfaatkan sebagai acuan dalam pembentukan moral masyarakat yang progresif. Dalam pada itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengisi kelompongan kajian-kajian lepas yang lebih memfokuskan kepada nilai-nilai patriotisme dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* tanpa menelusuri tentang unsur patriotisme di dalamnya. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis unsur patriotisme dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* serta kepentingan unsur patriotisme tersebut kepada masyarakat. Namun begitu, pengkaji telah membataskan dengan memilih hanya empat unsur patriotisme yang paling banyak dipaparkan di dalam novel antaranya adalah sikap rela berkorban, semangat cinta kepada negara, semangat kekitaan dan sikap berjuang menuntut kemerdekaan. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan, kaedah tekstual dan kaedah teoritikal. Dalam pada itu, Teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pendekatan Moral turut diaplikasikan bagi tujuan pengukuhan. Hasil analisis telah membuktikan bahawa unsur patriotisme yang terkandung dalam Novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* ini mampu memberikan kesan serta kepentingan dalam membentuk masyarakat yang sayang dan cinta kepada negara Malaysia.

Kata kunci : Patriotisme, Novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*, Masyarakat, Teori Pengkaedahan Melayu

## ABSTRACT

The study of the element of patriotism indeed requires in-depth study to awaken the spirit of patriotism in the community. This study conducts detailed research on the elements of patriotism contained in the novel Lieutenant Adnan Wira Bangsa. This is so because the elements of patriotism in this novel are one of the educational media that can be used as a model in the formation of a progressive moral society. In the meantime, this study was conducted with the aim of filling the void of previous studies that focused more on the values of patriotism in the novel Lieutenant Adnan Wira Bangsa without exploring the element of patriotism in it. Therefore, the objective of this study is to identify and analyse the element of patriotism in the novel by Lieutenant Adnan Wira Bangsa and the importance of that element of patriotism to society. Nevertheless, the researcher has stated by choosing only four elements of patriotism that are displayed the most in the novel, among which are the attitude of sacrifice, the spirit of love for the country, the spirit of belonging and the attitude of fighting for independence. Next, this study uses qualitative methods through library methods, textual methods, and theoretical methods. In the meantime, the Malay Methodology Theory through the Moral approach is also applied for the purpose of strengthening. The results of the analysis have proven that the element of patriotism contained in Lieutenant Adnan Wira Bangsa's novel is able to give an impact and importance in forming a society that loves and loves the country of Malaysia.

Keywords: Patriotism, Lieutenant Adnan Wira Bangsa's Novel, Society, Malay Methodology Theory



## **Bab 1**

### **Pendahuluan**

#### **1.1 Pengenalan**

Patriotisme adalah sesuatu yang berkaitan dengan semangat kecintaan serta kesetiaan kepada negara. Definisi patriotisme menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2004) adalah sifat cinta yang kukuh terhadap tanah air manakala menurut Daniel Bar Tal dan Ervin Staub (1997) pula, patriotisme adalah ketaatan dan kesetiaan kepada seseorang rakyat yang menetap di sebuah negara serta ia menjadi tanah tumpah darahnya. Tambahan pula, patriotisme ini adalah satu konsep abstrak yang tidak boleh diukur namun sikap semangat patriotisme boleh dilihat menerusi perbuatan, tingkah laku, serta tindakan seseorang. Menurut Naffi Mat (2012) pula, beliau menyatakan bahawa patriotisme ialah usaha rakyat dalam berkorban untuk kedaulatan, memerdekakan negara dan memantapkan negara bangsa serta menganggap patriotisme ini sebagai kembar kepada nasionalisme. Patriotisme telah menjadi sebuah citra yang mempunyai kaitan dengan sebuah kenegaraan. Menurut Azizan Bahari et al. (2004), semangat patriotisme dalam kalangan anak muda pada hari ini mula berkurangan akibat daripada kesan budaya global yang lebih menarik perhatian mereka jika dibandingkan dengan isu dalam negara. Oleh hal yang demikian, setiap kenegaraan wajar dicorakkan oleh wawasan serta warisan yang berteraskan kepada liku-liku sejarah yang dihadapi oleh masyarakat di dalam sesebuah negara.

Negara Malaysia sememangnya amat dikenali sebagai sebuah negara yang mempunyai berbilang bangsa dan agama. Menurut Muhammad Ali Embi (2009),

beliau telah menekankan bahawa patriotisme memerlukan wujudnya penghayatan daripada seluruh warganegara dan bukanlah hanya luahan perasaan semata. Beliau juga menegaskan bahawa patriotisme adalah suatu yang agung kerana ia melibatkan tentang kewarganegaraan, kesetiaan, jati diri, kemerdekaan, keyakinan, keberanian dan kedaulatan. Tambahan pula, semangat patriotisme sememangnya telah menjadi nadi kepada kestabilan, kebebasan serta kemajuan kepada negara kita. Setiap bangsa di Malaysia sewajarnya memiliki semangat patriotisme yang tinggi kerana kemerdekaan yang dikecapi oleh Malaysia adalah suatu yang terjadi dalam keadaan yang cukup dramatik. Bagi mengekalkan kemerdekaan yang dirasai di negara Malaysia, semangat patriotisme ini sewajarnya perlu wujud dalam diri setiap golongan masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama.

Setiap masyarakat di Malaysia amat memerlukan patriotisme kerana patriotisme mampu menguatkan penyatuan dan persefahaman antara setiap kaum sekaligus mampu menimbulkan keharmonian dalam negara. Menurut Kardi (2009), setiap amalan dan tindakan seseorang yang memenuhi ciri-ciri patriotisme yang berasaskan kepada kesetiaan dan kecintaan kepada negara dikenali sebagai seorang yang patriot. Oleh itu, setiap masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama sewajarnya memupuk semangat patriotisme ini agar kesinambungan kemerdekaan yang dirasai pada masa kini akan terus kekal dan aman damai tanpa sebarang berlakunya pergolakan pada masa akan datang.

Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa merupakan sebuah novel hasil karya oleh Abdul Latif Talib. Novel ini mengisahkan tentang keberanian seorang lelaki tempatan dalam menentang Jepun yang dikenali sebagai Leftenan Adnan. Beliau merupakan

anak yang pertama daripada dua orang adik beradik. Kehidupan beliau dan keluarga amat susah kerana hanya bergantung hidup dengan hasil daripada pekerjaan menuai padi dan menoreh getah. Meskipun hidup dalam serba kekurangan, ibu bapa Adnan tetap berusaha menghantar Adnan ke sekolah yang beraliran Inggeris. Minatnya yang mendalam untuk menyertai bidang ketenteraan telah disokong oleh ibu bapanya demi berbakti dalam mempertahankan negara.

Tambahan pula, Adnan telah terpilih menjadi rekrut terbaik kerana beliau memaparkan sikap dedikasi beliau ketika hari latihan dan kemudiannya diarahkan untuk bertugas di Singapura. Seterusnya, ketika perbarisan bagi majlis Pertabalan Raja George VI di London, Adnan turut dipilih sebagai wakil untuk platoon askar Melayu. Adnan juga telah dinaikkan pangkat menjadi Leftenan setelah beliau pulang daripada London. Setelah itu, Leftenan Adnan telah diarahkan bertugas sebagai Ketua Batalion bertujuan untuk mengawasi Pasir Panjang dan Bukit Candu ketika Perang Dunia Kedua meletus.

Selain itu, kehebatan Jepun dalam meluaskan kuasanya mengambil masa hanya dua hari sahaja untuk menakluki negeri Terengganu, Pulau Pinang, Kelantan, dan Kedah. Jepun telah menyerang Singapura pada tanggal 3 Februari 1942. Segala tugas ketenteraan negara Jepun menjadi lebih mudah apabila negara mereka memiliki kelengkapan perang yang amat lengkap serta mereka telah mempunyai pengalaman perang dengan negara China sebelumnya. Pertempuran yang terjadi telah mengakibatkan ramai orang yang terbunuh. Oleh itu, hampir 152 Askar Melayu telah menjadi korban termasuklah enam pegawai British dan tujuh pegawai Melayu. Menurut Abdul Latip Talib (2008), askar Melayu memaparkan sifat keberanian dan

keperwiraan yang tinggi ketika berlaku pertempuran dengan askar Jepun di pantai negara Singapura dan negeri Kelantan. Semangat juang yang dipamerkan oleh askar Melayu ini telah menunjukkan bahawa unsur perpaduan telah wujud sekaligus menyemarakkan semangat patriotisme dalam diri mereka.

Oleh hal yang demikian, setiap peristiwa yang terkandung di dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ini telah membuktikan bahawa semangat kepahlawanan yang ditonjolkan oleh para askar Melayu menjadi lambang kepada kekuatan jati diri mereka sekaligus memaparkan semangat patriotisme dan rasa sayang kepada negara.

Teori pengkaedahan Melayu merupakan suatu pendekatan terhadap kesusasteraan Melayu yang berasaskan kepada kehalusan budi bahasa Melayu, kreativiti, penciptaan sastera yang kaya serta berkait dengan fenomena alam (Mana Sikana, 1991). Pengasas bagi Teori pengkaedahan Melayu ini adalah Hashim Awang iaitu pada tahun 1989. Tambahan pula, teori Pengkaedahan Melayu menjadi sebuah teori sastera apabila kurangnya teori-teori daripada Barat. Teori kritikan Barat diperlihatkan kurang sesuai serta berat sebelah bagi mengupas karya-karya sastera Melayu yang berlandaskan kepada agama Islam dan juga jati diri Melayu (Hashim Awang, 1989).

Seterusnya, Teori pengkaedahan Melayu ini mempunyai dua pembahagian iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan.. Pengkaedahan alamiah mempunyai beberapa pendekatan iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat manakala pengkaedahan keagamaan pula mengandungi pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Oleh itu, kajian ini

memilih untuk mengaplikasikan Teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral kerana pendekatan moral adalah satu konteks sastera yang bersifat pengalaman hidup sama ada peristiwa yang dilalui oleh manusia, maklumat yang berkaitan dengan manusia mahupun suasana persekitaran mereka dan pendekatan moral amat bersesuaian dengan kajian yang dijalankan .

Kesimpulannya, pengkaji akan mengenal pasti dan menganalisis unsur patriotisme yang terdapat di dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa dengan berdasarkan kepada pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan moral. Setiap watak dan peristiwa yang mengandungi unsur patriotisme akan dikupas dengan lebih mendalam oleh pengkaji.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Patriotisme menurut Robertson (1993) adalah menggambarkan cinta sentimental terhadap negara, bangsa, budaya, dan politik, dan ia hampir menebal dengan aspek etnosentrik. Menurut beliau, patriotisme adalah sikap nasional yang menjelma dalam realiti melalui tindakan manakala menurut Abdul Rahman (2001), patriotisme ini adalah suatu komponen yang amat penting bagi membina sesebuah tamadun dan bangsa Malaysia. Sekiranya tiada masyarakat yang berjiwa patriotik, makan usaha bagi membina negara bangsa akan menjadi sukar (Mustapha Ishak, 2005).

Rentetan itu, kajian ini akan meneliti dan memfokuskan hanya kepada unsur patriotisme yang terkandung di dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* hasil karya Abdul Latip bin Talib. Abdul Latip bin Talib sememangnya seorang penulis yang telah banyak memenangi pelbagai anugerah antaranya adalah Sayembara Menulis Novel Sarawak 2005, hadiah sayembara menulis novel sejarah Johor 2007 dan banyak lagi. Beliau turut telah menghasilkan hampir 50 buah novel termasuklah novel-novel sejarah Islam yang diterbitkan oleh PTS yang berjumlah 30 naskah kesemuanya.

Dalam pada itu, novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* ini merupakan novel edisi pelajar yang mempunyai unsur sejarah dan unsur patriotisme serta telah diterbitkan oleh Mika Cemerlang Sdn. Bhd. Rentetan itu, novel ini memiliki kekuatan penceritaan yang tinggi kepada patriotisme sekaligus mampu menjentik semangat kecintaan terhadap tanah air kita. Tambahan pula, Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah mengangkat novel ini sebagai Novel Komponen Sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu bagi pelajar Tingkatan 4 bermula pada tahun 2015. Hal ini

membuktikan bahawa novel yang dikaji menjadi salah satu novel berunsur patriotisme yang memiliki potensi untuk dipelajari dan dihayati sekaligus meningkatkan semangat patriotisme kepada masyarakat. Oleh itu, pengkaji akan menyelusuri keseluruhan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* dengan mengenal pasti unsur-unsur patriotisme yang terdapat di dalamnya. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji mahu menelaah dengan lebih terperinci setiap penceritaan yang memaparkan unsur patriotisme yang dapat memberi kepentingan kepada masyarakat.

Dalam pada itu, kajian ini turut memaparkan unsur-unsur patriotisme yang terkandung dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pendekatan Moral bagi memantapkan lagi dapatan kajian yang akan dijalankan dan sejajar dengan objektif kajian pengkaji. Tambahan pula, pengkaji juga akan menganalisis kepentingan unsur-unsur patriotisme dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* kepada masyarakat kerana unsur-unsur patriotisme ini mampu membentuk moral masyarakat untuk sedar akan pentingnya menanamkan semangat patriotik dalam diri mereka.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Menurut Mohd Taib Osman (2004), patriotisme amat penting kerana ia menjadi pemangkin kepada usaha untuk membentuk negara bangsa Malaysia. Pemupukan unsur patriotisme saban tahun dilihat semakin berkurangan dan perkara ini telah menimbulkan kebimbangan kepada pelbagai pihak. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat kini sudah semakin tidak mengenali erti patriotisme dan simbol negara yang paling utama iaitu bendera Malaysia. Isu ini dapat dibuktikan ketika tanggal 31 Ogos 2012, terdapat beberapa golongan remaja melakukan perarakan ketika malam hari kemerdekaan dengan membawa bendera serta memberi gelaran bendera tersebut adalah “Sang Saka.” Mohammad Ayub dan Mohamad Rafiq (2012) telah menegaskan perbuatan tersebut dengan mengatakan sekiranya golongan remaja ini tidak mendalami dan memahami akan persepsi yang diangkat oleh sesebuah negara, maka mereka akan mudah hanyut dan dihasut oleh pengaruh luar serta ia akan merugikan sesebuah negara.

Oleh itu, beberapa kajian lepas telah dikumpul dan dianalisis bagi mengenal pasti masalah dan isu yang masih terdapat dalam kajian. Terdapat sejumlah kajian yang telah diteliti oleh pengkaji iaitu *Unsur Patriotisme Dalam Kumpulan Puisi Pilihan Penyair Sarawak, Malaysia* oleh Nor Suhaili binti Saharudin (2013), *Nilai Dan Pengamalan Patriotisme Dalam Kalangan Masyarakat Sabah Di Malaysia* oleh Mohd Rahimi bin Ramli (2018), *Jati Diri Dan Patriotisme Dalam Kalangan Generasi Baru Masyarakat Majmuk : Kajian Terhadap Pemahaman, Persepsi, Penerimaan dan Cabaran* oleh Rosfazila Abd Rahman, Hairol Anuar Mak Din, Jessica Ong Hai Liaw, Adlina Abdul Khalil & Munira Abd Razak (2020). Oleh itu, menerusi kajian-kajian lepas ini telah membuktikan bahawa kajian yang berkaitan



dengan unsur patriotisme serta teori Pengkaedahan Melayu ini telah memberi penekanan dalam pelbagai aspek sekaligus dapat membentuk keperibadian masyarakat ke arah yang positif.

Pengkaji mendapati kajian lepas tidak mendalami dengan menyeluruh tentang unsur patriotisme secara khusus. Oleh itu, kajian berkaitan unsur patriotisme dengan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa wajar diketengahkan supaya unsur patriotisme yang terdapat di dalam novel tersebut dapat dikenal pasti dan diketengahkan untuk tatapan generasi masa kini. Kajian ini berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh beberapa pengkaji lepas kerana kajian ini lebih memberi penelitian untuk mengenalpasti dan menganalisis unsur patriotisme yang terkandung dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa dengan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan moral serta kesan patriotisme dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa kepada masyarakat.

Di samping itu, kajian ini juga lebih menjurus ke arah unsur patriotisme yang terdapat dalam novel ini kerana novel Leftenan Adnan Wira Bangsa mampu memberi fahaman kepada masyarakat tentang pentingnya menghargai sesebuah kemerdekaan yang kita nikmati pada masa kini yang merupakan hasil daripada usaha pejuang-pejuang negara kita. Hal ini jelas kerana masyarakat terutama dalam kalangan generasi muda kini memiliki sifat yang mementingkan diri sendiri. Tambahan pula, segelintir generasi muda beranggapan bahawa semangat cinta akan negara dan semangat patriotisme tidak lagi bermakna dalam kehidupan mereka disebabkan oleh mereka kini telah hidup di zaman yang serba mewah dan tidak sekalipun mereka merasai susah payah kehidupan ketika zaman penjajahan nenek moyang mereka. Noor

Mohamad (2012) berpendapat bahawa isu berkaitan patriotisme sering diperkatakan disebabkan oleh terdapat pelbagai persoalan yang berkaitan dengan patriotisme kepada golongan muda seperti adakah generasi masa kini mempunyai kemampuan untuk mempertahankan kemerdekaan yang kita rasai kini. Perkara ini kerap diangkat ketika berlakunya isu-isu yang sensitif seperti penukaran lirik serta irama lagu “Negaraku” kepada lagu “Negarakuku” (Dewan Siswa, 2013).

Oleh itu, tinggillah harapan pengkaji dalam memastikan kajian yang dijalankan ini mampu membuka pemikiran masyarakat di Malaysia untuk menghidupkan kembali semangat patriotisme sekaligus menyemai perpaduan antara satu sama lain. Dengan ini, pengkaji akan meneruskan kajian dengan mengenal pasti peristiwa-peristiwa yang memaparkan unsur patriotisme yang terdapat di dalam novel.

#### 1.4 Persoalan Kajian

- i. Apakah unsur patriotisme yang terdapat di dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* ?
- ii. Sejauh manakah unsur patriotisme yang terkandung dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* dapat dikaitkan dengan Teori Pengkaedahan Melayu?
- iii. Bagaimanakah unsur patriotisme yang terkandung dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* ini dapat memberi kepentingan kepada masyarakat ?

## 1.5 Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti unsur patriotisme yang terkandung dalam Novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*.
- ii. Menganalisis unsur patriotisme dalam Novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* berdasarkan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu.
- iii. Menganalisis kepentingan patriotisme dalam Novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* kepada masyarakat.

## 1.6 Skop dan Batasan Kajian

Kajian yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada tiga objektif yang telah disediakan. Oleh itu, bagi memastikan kajian yang dilaksanakan tercapai, pengkaji akan membataskan kajian dengan mengkaji unsur patriotisme yang terkandung di dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa. Hal ini demikian kerana ia bersesuaian dengan matlamat dan tujuan utama bagi menghurai dan mengkaji unsur-unsur patriotisme yang mampu memberikan kepentingan kepada masyarakat menerusi penceritaan di dalam novel yang dipilih. Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa telah diterbitkan pada tahun 2014 oleh Mika Cemerlang Sdn Bhd serta mengandungi 35 bab dan 375 halaman bercetak. Selain itu, pengkaji juga turut mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) sebagai garis panduan supaya kajian yang dilakukan akan lebih kukuh dan tidak tersasar. Rentetan itu, pengkaji telah memilih untuk menggunakan satu pendekatan sahaja iaitu pendekatan moral.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dijalankan semestinya mempunyai pelbagai faedah yang boleh memberi kepentingan kepada pelbagai pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pengamalan unsur patriotisme telah menjadi salah satu amalan yang wajar disemat di dalam kehidupan bagi setiap lapisan masyarakat di negara Malaysia. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengulas unsur patriotisme yang terdapat di dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* yang merupakan novel pilihan dalam Novel Komponen Sastera (KOMSAS) menerusi mata pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan 4. Dalam pada itu, kajian yang dilaksanakan adalah untuk melihat dengan lebih jelas kesan penerapan patriotisme yang diperoleh daripada novel akan memerikan manfaat kepada semua pihak antaranya adalah kepada individu, masyarakat, universiti dan negara.

### 1.7.1 Individu

Kajian ini dilihat memberi kepentingan kepada diri pengkaji sendiri apabila unsur-unsur patriotisme yang dipaparkan dalam novel ini dapat diterokai dengan lebih mendalam dan digunakan dalam membentuk sahsiah mulia. Rentetan itu, pengkaji turut dapat menambah pengetahuan yang sedia ada dengan membangkitkan semangat patriotisme yang ditunjukkan dalam novel tersebut agar dapat membentuk diri pengkaji untuk menjadi insan yang positif dalam setiap perkara yang dilakukan.

### 1.7.2 Masyarakat

Kajian ini juga turut memberi faedah kepada masyarakat. Kajian ini mampu memberi pendedahan yang berguna iaitu dengan membuka mata masyarakat tentang

pentingnya memupuk serta memantapkan perpaduan serta semangat patriotisme antara satu sama lain. Oleh itu, setiap unsur patriotisme yang diperoleh melalui novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ini dapat membentuk masyarakat yang beretika, masyarakat yang mempunyai semangat bekerjasama serta melahirkan masyarakat yang memiliki semangat patriotisme yang tinggi dalam diri dengan cara mereka menerapkan aspek-aspek jati diri ini dalam kehidupan.

### **1.7.3 Universiti**

Dalam pada itu, kajian ini juga mampu memberi kegunaan kepada universiti. Hal ini demikian kerana setiap kajian yang berbentuk dokumentasi dapat memperkayakan lagi bahan serta sumber rujukan berkaitan dengan unsur patriotisme. Oleh itu, kajian terhadap Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa adalah salah satu usaha murni yang dilakukan untuk merancakkan lagi kajian-kajian yang mengisahkan tentang unsur patriotisme. Dengan berbuat demikian, ia mampu menjadi sandaran dalam mengembangkan daya pemikiran yang positif terhadap akademik dan juga sahsiah.


### **1.7.4 Negara**

Kepentingan kajian ini turut memberikan manfaat kepada negara. Hal ini dikatakan demikian kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai bangsa dan agama. Sehubungan dengan itu, unsur patriotisme sememangnya amat penting dan perlu disemai dalam kalangan masyarakat Malaysia. Hal ini demikian kerana melahirkan masyarakat yang menghayati patriotisme merupakan suatu yang wajar diambil berat demi kesejahteraan dan keharmonian negara. Dengan berbuat demikian, secara tidak langsung negara kita mampu


mengelakkan berlakunya rusuhan serta perpecahan kaum sekiranya perasaan semangat patriotisme wujud dalam diri setiap masyarakat.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN



## 1.8 Definisi Operasional

Bahagian definisi operasional merupakan bahagian yang mana ia bertujuan untuk menghuraikan kata kunci penting yang diguna pakai dalam kajian ini. Berdasarkan kepada tajuk kajian, terdapat satu frasa yang menjadi kata kunci akan dihuraikan dalam konteks kajian yang dijalankan secara terperinci agar lebih mudah difahami iaitu patriotisme.

### 1.8.1 Patriotisme

Menurut Ku Hasnita (2007), patriotisme merupakan satu sikap berasaskan emosi seperti cinta dan taat setia kepada negara sehingga sanggup melakukan segala-galanya untuk kepentingan negara. Patriotisme ialah sebuah fahaman yang dikaitkan dengan bangsa seseorang. Kenegaraan dibangunkan melalui legasi dan wawasan berdasarkan liku-liku sejarah yang dialami oleh rakyat sesebuah negara.

Manakala menurut Abd Rahim Abd Rashid (2004), Patriotisme ini memerlukan kerjasama antara pemimpin dan seluruh masyarakat bagi bersama-sama melindungi asas kedaulatan serta pembinaan negara. Melindungi sesebuah negara daripada sebarang ancaman luar serta musuh adalah suatu tanggungjawab setiap rakyat yang tinggal di negara tersebut. Kesetiaan dan kecintaan kepada negara dan raja yang dilakukan oleh warganegara menerusi pengorbanan adalah salah satu unsur patriotisme yang sangat penting.

Primoratz (2002) pula menyatakan patriotisme sebagai cinta akan negara adalah terlalu umum. Hal ini dikatakan demikian kerana perkara yang wajar diberikan perhatian dalam menentukan patriotisme dalam jiwa seseorang ialah melalui sumbangan mereka kepada negara serta rela berkorban untuk negara. Sekiranya

kedua-dua ciri ini wujud, maka ia menunjukkan bahawa individu tersebut mempunyai semangat patriotisme kepada negara.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.9 Organisasi Bab

Secara keseluruhannya, penghasilan kajian adalah merangkumi sebanyak lima bab. Bab 1 ialah bab pendahuluan yang akan menjelaskan secara ringkas berkenaan tajuk kajian, latar belakang kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian serta definisi operasional.

Manakala pada bahagian bab 2 pula merangkumi bahagian untuk menyoroti kajian-kajian lepas. Dengan berbuat demikian pengkaji akan menyoroti kajian yang berkaitan patriotisme, novel Leftenan Adnan Wira Bangsa dan Teori Pengkaedahan Melayu. Di samping itu, pengkaji juga akan menjelaskan secara jelas berkenaan teori yang diaplikasikan. Pengaplikasian teori bertujuan untuk memastikan kajian tidak tersasar daripada objektif kajian dijalankan.

Seterusnya, dalam bab 3 adalah bahagian yang menjelaskan metodologi yang digunakan dalam kajian. Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan dan menjelaskan tentang reka bentuk kajian, kaedah kajian, proses pengumpulan data, kaedah analisis data serta instrumen kajian secara terperinci.

Tambahan pula, dalam bab 4 pula merupakan bahagian perbincangan untuk memperoleh analisis dan dapatan kajian berdasarkan kepada tiga objektif yang telah ditetapkan. Penganalisisan ini akan dilakukan secara spesifik bagi menjawab persoalan kajian berdasarkan objektif kajian pengkaji.

Bab yang terakhir ialah bab 5. Bab 5 ini akan menerangkan perbincangan secara ringkas berkaitan dengan hasil dapatan kajian, mengemukakan beberapa

cadangan yang bersesuaian dan memberikan implikasi kajian berkaitan unsur patriotisme kepada masyarakat.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 1.10 Rumusan

Kesimpulannya, kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini adalah berkenaan dengan unsur patriotisme yang terdapat di dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* disertakan dengan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pendekatan Moral serta menganalisis kepentingan unsur-unsur patriotisme ini kepada masyarakat. Novel ini merupakan sebuah karya Abdul Latip bin Talib dan secara langsung novel ini telah diangkat menjadi novel pilihan KOMSAS dalam pembelajaran bagi subjek Bahasa Melayu tingkatan 4. Pemilihan watak utama iaitu Leftenan Adnan telah memberikan suatu impak besar dalam memberikan jati diri yang baik dan tauladan kepada masyarakat terutama generasi muda untuk menyerap unsur patriotisme dan semangat patriotik kepada negara Malaysia.

## Bab 2

### Tinjauan Literatur

#### 2.1 Pengenalan

Sorotan kajian adalah suatu fakta atau pernyataan yang telah dinyatakan bagi menyokong sesebuah objektif serta meyakinkan bahawa teori yang diaplikasikan itu adalah teori yang tepat dan bukan rekaan semata. Menerusi sorotan kajian ini, pengkaji akan merangkumkan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji iaitu unsur patriotisme dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* : satu kajian berdasarkan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. Menerusi sorotan kajian ini, pengkaji juga akan membataskan kepada dua subtopik utama iaitu pengkajian patriotisme dan pengkajian dalam pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu di dalam karya sastera terpilih.

#### 2.2 Tinjauan Literatur Berkaitan Patriotisme

Kajian Nor Suhaili binti Saharudin (2013) iaitu *Unsur Patriotisme Dalam Kumpulan Puisi Pilihan Penyair Sarawak, Malaysia*. Kajian ini adalah sebuah kajian yang menumpukan kepada unsur-unsur patriotisme dalam karya puisi pilihan penyair hebat di Sarawak serta beberapa peristiwa yang berkaitan. Kajian ini dijalankan adalah kerana para pengkaji sastera agak kurang memberikan tumpuan kepada para penyair di Sarawak meskipun para penyair turut memperkasa serta menyumbang puisi di tanah air. Objektif bagi kajian ini adalah mengenalpasti unsur-unsur patriotisme dalam kumpulan puisi pilihan penyair Sarawak dan menganalisis unsur patriotisme dengan peristiwa yang telah berlaku di Sarawak dalam puisi-puisi yang dikaji. Kaedah

kualitatif iaitu kaedah analisis teks, kaedah kepustakaan serta pengaplikasian teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (Kerohanian, Kebitaraan, Kesaintifikan dan Kekreatifan) telah digunakan di dalam kajian ini. Hasil daripada kajian ini memperlihatkan bahawa para penyair memaparkan rasa cinta mereka terhadap bumi Kenyalang.

Kedua, kajian daripada Mohd Rahimi bin Ramli (2018) iaitu *Nilai Dan Pengamalan Patriotisme Dalam Kalangan Masyarakat Sabah Di Malaysia*. Kajian ini hanya tertumpu kepada masyarakat Sabah berkenaan dengan nilai dan pengamalan patriotisme dalam diri mereka. Objektif kajian ini adalah bagi mengenal pasti patriotisme dalam kalangan masyarakat di Sabah. Kajian ini juga membataskan 6 nilai patriotisme menerusi tingkah laku serta orientasi sebagai sebuah manifestasi dan memfokuskan kepada 500 responden menerusi 3 etnik sahaja iaitu Bajau, Kadazan Dusun dan Murut. Seterusnya, pendekatan kuantitatif dan kaedah persampelan iaitu *Probability Proportional to Saiz(PPS)* telah diguna pakai iaitu dengan menggunakan kaedah soal selidik yang diberikan di sekitar daerah terpilih di Sabah dan bagi memantapkan lagi kajian, Teori Orientasi Politik telah diaplikasikan di dalam analisis. Hasil kajian mendapati tahap kesedaran, persepsi, kefahaman dan pengamalan dalam responden tentang nilai patriotisme adalah berada pada kedudukan yang tinggi. Oleh itu, kajian ini menjelaskan bahawa setiap tingkah laku seseorang individu adalah dipengaruhi oleh dimensi orientasi nilai patriotisme.

Ketiga, menerusi Rosfazila Abd Rahman, Hairol Anuar Mak Din, Jessica Ong Hai Liaw, Adlina Abdul Khalil & Munira Abd Razak (2020) dalam kajian *Jati Diri Dan Patriotisme Dalam Kalangan Generasi Baru Masyarakat Majmuk : Kajian*

*Terhadap Pemahaman, Persepsi, Penerimaan dan Cabaran.* Di dalam kajian ini memfokuskan kepada generasi baru dalam persepsi, pemahaman, penerimaan dan cabaran generasi baru tentang konsep jati diri dan patriotisme. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui reka bentuk kajian menerusi temu bual secara mendalam seperti temu bual separa berstruktur. Pengkaji juga turut membataskan responden daripada pelbagai etnik di Bandaraya Kuala Lumpur iaitu seramai empat puluh orang dan informasi yang diperoleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Melayu, India dan Cina. Hasil daripada kajian ini memperlihatkan majoriti generasi baru memiliki pemahaman yang cukup tinggi tentang konsep jati diri dan patriotisme. Sifat perkauman dan persefahaman antara setiap kaum telah menjadi satu cabaran besar dalam kalangan etnik di Malaysia yang mana ia perlu ditangani demi kesejahteraan bangsa Malaysia. Oleh itu, kajian ini telah membuktikan bahawa generasi baru sewajarnya memahami konsep jati diri dan patriotisme kerana ia memberi impak yang besar dalam teras pertahanan negara.

Seterusnya, kajian daripada Aziz Ujang, Jamaluddin Md. Jahi, Kadir Ariffin dan Kadaruddin Aiyub (2014) yang bertajuk *Kesedaran Generasi Muda Terhadap Patriotisme dan Perpaduan Nasional di Malaysia.* Kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk mengukur tahap kesedaran para generasi muda kepada perpaduan nasional dan patriotisme. Kaedah kualitatif dan kuantitatif telah digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk memastikan objektif kajian tercapai. Pengkaji turut membuat 500 sampel daripada lapan negeri pada bahagian zon Utara, Selatan, Timur serta Zon Sarawak dan Sabah. Oleh itu, dapatan kajian mendapati terdapat empat aspek yang dapat meningkatkan tahap patriotisme serta perpaduan. Antaranya adalah pendidikan, keselamatan, umur dan juga ekonomi.



Kajian seterusnya yang dijalankan oleh Mohd Rumaizuddin Ghazali dan Mohd Rushdan Jalani (2015) bertajuk *Kajian Semangat Patriotisme dan 1 Malaysia Dalam Kalangan Mahasiswa Di Timur Tengah*. Pengkaji menjalankan kajian untuk mengetahui tahap fahaman pelajar Malaysia tentang semangat patriotisme dan 1 Malaysia. Kaedah pemerhatian dan kaedah temu bual telah digunakan di dalam kajian ini menerusi beberapa elemen seperti keadilan sosial, perpaduan serta kepimpinan. Oleh itu, dapatan kajian mendapati para pelajar masih kurang memahami akan semangat patriotisme serta konsep 1 Malaysia yang perlu mereka hidupkan dalam diri mereka sebagai rakyat Malaysia. Program kepimpinan dan perpaduan wajar dilaksanakan oleh kerajaan bagi mempertingkatkan pengetahuan pelajar tentang konsep 1 Malaysia tersebut.

### 2.3 Tinjauan Literatur Berkaitan Novel Leftenan Adnan

Kajian Noraini Ibrahim dan Ani Omar (2017) iaitu *Analisis Pengarang Dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa Karya Abdul Latip Bin Talib*. Tujuan utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengupas pemikiran pengarah menerusi karya yang beliau hasilkan sama ada setiap peristiwa yang dipaparkan di dalam karyanya adalah daripada pengalaman orang lain atau daripada pengalaman diri pengkaji sendiri. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis pemikiran pengarang di dalam novel yang dipilih dengan mengaplikasikan teori SPB4K. Teori yang digunakan adalah berteraskan kepada falsafah kesepaduan pemikiran yang terkandung di dalam novel Leftenan Adnan Wira seperti pemikiran kebitaraan, kerohanian, kekreatifan dan kesaintifikan. Hasil kajian mendapati keempat-empat pemikiran ini dapat diperlihatkan menerusi watak-watak yang wujud di dalam novel tersebut. Oleh hal yang demikian, kepintaran pengarang dalam mengolah karya beliau dapat membangkitkan nilai kemanusiaan kepada pembaca terutama remaja. Perkara ini dapat dibuktikan apabila novel ini telah diangkat menjadi novel Komponen Sastera menerusi subjek Bahasa Melayu bagi pelajar Tingkatan 4.

Kajian seterusnya yang dijalankan oleh Saripah Dora Ismail (2021) iaitu *Kajian Terhadap Nilai Patriotisme dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa*. Kajian penyelidikan yang dijalankan adalah untuk mengenalpasti serta menganalisis nilai patriotisme yang terkandung di dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa yang merupakan novel pilihan KOMSAS bagi pelajar tingkatan 4 menerusi subjek pendidikan Bahasa Melayu. Kaedah kuantitatif iaitu dengan menggabungkan analisis teks, soal selidik dan penilaian berstruktur diguna pakai di samping mengaplikasikan Teori teksdealisme yang dipelopori oleh Abdul Rahman Ropiah. Dapatan kajian

mendapati terdapat hampir 47 unsur patriotisme menerusi watak utama dan 16 unsur patriotisme terlihat pada watak sampingan. Jelas dapat dilihat bahawa novel ini mampu menambahkan lagi kefahaman pembaca tentang nilai patriotisme seiring meningkatkan jati diri masyarakat terutama golongan muda.

Selain itu, Saripah Dora Ismail dan Azhar Wahid (2020) dalam kajian *Tahap Kebolehan Pelajar Mendefinisikan Patriotisme Melalui Pengajaran Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa*. Kajian ini memfokuskan kepada tahap kemampuan para pelajar dalam memberi makna patriotisme menerusi pembelajaran daripada novel Leftenan Adnan Wira Bangsa yang digunakan dalam kajian teks novel bagi pelajar Tingkatan 4 serta menilai Teori Teksdealisme di dalam novel tersebut. Objektif kajian ini adalah untuk melihat mengetahui tahap kejelasan pelajar mengenai patriotisme menerusi pembacaan daripada novel ini sekaligus menganalisis tahap kemampuan pelajar dalam menyatakan makna patriotisme menerusi pengajaran novel tersebut. Tambahan pula, kajian ini telah menggunakan kaedah kuantitatif bertujuan untuk memperoleh data penilaian berstruktur dalam kalangan pelajar. Terdapat 35 orang pelajar tingkatan 4 daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Sentosa, Selangor telah menjadi responden dalam persampelan. Kajian ini juga telah dikupas dengan mengaplikasikan teks anekdot ketika penaksiran pasca dan pra dilaksanakan. Penaksiran pra dan pasca ini adalah berdasarkan kepada Model Penilaian Formatif Tessmer (1993). Hasil kajian mendapati, setelah para pelajar mempelajari novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*, mereka berkebolehan dalam memberikan definisi “patriotisme”. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kebijaksanaan penulis dalam membangkitkan unsur patriotisme menerusi novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* ini telah berhasil untuk memberi

fahaman kepada para pelajar dalam memperjelaskan maksud patriotisme dengan benar sekaligus dapat menyemai perasaan patriotik dalam diri pelajar.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 2.4 Tinjauan Literatur Berkaitan Teori Pengkaedahan Melayu

Kajian lepas yang dilakukan oleh Syaidul Azam Kamarudin dan Arbai'e Sujud (2017) iaitu *Jati Diri Melayu Dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman : Analisis Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini memfokuskan kepada jati diri Melayu yang terkandung dalam kumpulan puisi A. Aziz Deraman dan dianalisis melalui tiga aspek utama iaitu jati diri dalam aspek bahasa Melayu, jati diri dalam aspek Agama dan jati diri dalam aspek budaya. Hasil daripada kajian adalah nilai jati diri kemelayuan seperti peringatan, nasihat serta ikhtibar yang mana boleh di hubung kaitkan dengan prinsip Teori Pengkaedahan Melayu dalam aspek etika dan ajaran agama Islam.

Menerusi kajian Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017) yang bertajuk *Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu : Analisis Nilai Kasih Sayang dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu*. Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi mengenalpasti serta menganalisis nilai kasih sayang dan nilai keadilan yang wujud di dalam cerita rakyat Melayu dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini juga lebih menitik beratkan pada bahagian sejarah, kebudayaan, adat istiadat, pengalaman dan cita-cita. Dalam pada itu, kaedah sorotan pembacaan yang berasaskan dokumen telah digunakan di dalam kajian. Oleh itu, hasil kajian mendapati bahawa sesebuah cerita rakyat amat kaya dengan nilai murni yang mampu memberikan pengajaran serta menjadi medium pendidikan kepada masyarakat.

Seterusnya, menerusi kajian Hadijah Johari, norshahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd (2020) dalam kajian *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam*

*cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melayu Melalui Dakwah Islamiah*. Kajian yang dijalankan merupakan kajian terhadap 18 buah cerpen yang dikumpulkan oleh Osman Ayob selaku penulis di dalam kumpulan Cerpen Melamar Rindu. Terdapat tiga objektif kajian iaitu mengenalpasti, menganalisis dan menilai unsur dakwah Islamiah yang terkandung dalam cerpen Melamar Rindu dengan mengaplikasikan pendekatan dakwah dalam Teori Pengkaedahan Melayu.

Selain itu, kajian oleh Muhammad Izzat Farhan Mohamad Asri (2021) iaitu *Kedinamikan Citra Masyarakat Dalam Novel-novel Remaja terpilih: Satu Penelitian Pendekatan Kemasyarakatan*. Kajian ini bertujuan untuk menyingkap masalah yang dihadapi oleh kalangan remaja selain permasalahan di dalam percintaan. Objektif bagi kajian ini adalah mengenalpasti, menganalisis serta merumuskan dinamik citra masyarakat di dalam novel. Pengkaji telah membataskan kepada tiga novel remaja antaranya ialah Atukku Pejuang, Bening Mata Seorang dia dan Melakar Sinar. Kajian ini juga telah mengaplikasikan Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat pelbagai contoh teladan yang dapat dicontohi menerusi novel-novel terpilih sebagai suatu identiti masyarakat Melayu. Oleh hal yang demikian, kajian ini telah membuktikan bahawa setiap karya-karya sastera memiliki pelbagai nilai murni yang sepadan dengan pengkhususan peringkat umur di mana sesebuah karya mampu menjadi penghubung dalam memberi pengetahuan kepada masyarakat sekaligus memupuk masyarakat terutamanya golongan muda untuk menyemai sikap suka membaca.

Tambahan pula, kajian yang dilakukan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016) iaitu *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu*

*Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu.*

Masyarakat Melayu sememangnya amat terkenal dengan sifat baik hati. Oleh itu, kajian ini dijalankan bersandarkan kepada dua objektif iaitu mengkaji serta menganalisis berkaitan dengan nilai baik hati yang terkandung pada cerita rakyat terutama orang Melayu. Dalam pada itu, Teori Pengkaedahan Melayu telah di aplikasikan dalam kajian ini bagi memperkuatkan lagi kajian. Secara keseluruhannya, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa cerita rakyat Melayu amat sarat dengan nilai baik hati yang mampu di jadikan tauladan kepada masyarakat.



## 2.5 Rumusan

Secara keseluruhannya, sorotan kajian ini telah menjadi suatu keperluan bagi pengkaji untuk meneruskan kepada bab yang lain. Sorotan kajian yang dibuat oleh para pengkaji lepas telah memberi bayangan awal kepada pengkaji untuk meneruskan kajian dengan sempurna dan dikukuhkan lagi dengan pemilihan teori yang tepat. Dengan adanya kajian-kajian lepas yang berkaitan, maka pengkaji akan dapat menambahkan pengetahuan dan idea yang baru untuk melaksanakan tugas yang dibuat. Tambahan pula, melalui sorotan kajian, pengkaji juga dapat mengenalpasti setiap kekurangan dan kelemahan yang perlu diperbaiki dan ditambah baik. Oleh itu, pemilihan dalam Teori Pengkaedahan Melayu iaitu menerusi Pendekatan Moral ini adalah suatu pilihan teori yang relevan dan tepat untuk mengungkap unsur patriotisme yang terkandung di dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa.




## Bab 3

### Metodologi Kajian

#### 3.1 Pengenalan

Metodologi kajian merupakan kaedah yang paling tepat dalam menjalankan kajian penyelidikan dan menentukan tatacara bagi menjawab semua permasalahan kajian. Dapatan kajian yang kukuh adalah diperoleh daripada penerapan elemen pendekatan dalam suatu proses untuk mendapatkan data penyelidikan (Ruhizan Mohammad Yasin, 2010). Oleh itu, hasil bagi sesebuah penyelidikan yang dilakukan akan ditetapkan oleh metod dan kaedah kajian.

### 3.2 Reka Bentuk Kajian



Rajah 3.2

Reka bentuk kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah sebuah kajian yang bersifat kualitatif iaitu dengan menggunakan beberapa kaedah. Antara kaedahnya iaitu kaedah kepustakaan, kaedah tekstual dan kaedah teoritikal. Kaedah kepustakaan ini digunakan bagi mendapatkan maklumat serta menyoroti kajian-kajian lepas yang bersesuaian dengan tepat mengenai tajuk yang dipilih misalnya tesis, artikel dan jurnal, dan kemudiannya membuat analisis. Kaedah tekstual pula digunakan untuk memperoleh data utama iaitu berkaitan dengan unsur patriotisme berdasarkan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*. Kaedah teoritikal juga diguna pakai bagi memantapkan lagi pada bahagian dapatan kajian menerusi Teori Pengkaedahan Melayu melalui Pendekatan Moral.

### **3.3 Kaedah Kajian**

Kajian ini merupakan kajian berkenaan unsur patriotisme berdasarkan kepada novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latif Talib. Kaedah kualitatif akan digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk mengupas unsur patriotisme yang terdapat dalam novel yang dipilih menerusi pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu iaitu Pendekatan Moral serta kepentingan unsur-unsur patriotisme tersebut kepada masyarakat.

#### **3.3.1 Kaedah Kepustakaan**

Kaedah kepustakaan ini diguna pakai bagi meneliti dan mencari data-data yang berkaitan antaranya ialah jurnal, tesis dan artikel akhbar. Bahan-bahan yang digunakan adalah bertujuan untuk membantu pengkaji bagi mencari definisi mahupun takrifan yang berkaitan dengan maklumat dan perkataan yang kurang jelas. Setiap kandungan maklumat yang diperoleh akan dikumpul serta dikaji dan kemudian

pengkaji juga akan menyemak semula butiran maklumat yang diterima agar ia bertepatan dengan kerangka objektif dan skop kajian yang dilakukan.

Sumber internet juga digunakan oleh pengkaji bagi mencari seberapa banyak artikel, jurnal dan thesis yang dibuat oleh pengkaji lepas berkaitan dengan unsur patriotisme dan Teori pengkaedahan Melayu sebagai rujukan. Antara laman sesawang yang digunakan oleh pengkaji untuk menemukan maklumat dengan lebih meluas dan terkini adalah *google scholar*, *Academia*, *Scribd* dan *thesis online*. Pencarian maklumat menerusi laman sesawang sememangnya amat memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat tambahan sekaligus menjimatkan masa pengkaji.

### **3.4 Proses Pengumpulan Data**

Proses pengumpulan data ialah suatu proses yang diguna pakai untuk mengumpul data yang berkaitan dengan kajian. Kajian ini dibuat dengan melalui beberapa proses bagi pengumpulan data yang akan digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian agar berjalan dengan tersusun dan mencapai segala objektif yang dinyatakan oleh pengkaji dalam menyempurnakan kajian yang dilaksanakan. Data yang dikumpul dalam kajian ini akan selari dengan persoalan dan objektif yang dikemukakan oleh pengkaji. Antara proses pengumpulan data yang di buat oleh pengkaji adalah menerusi data sekunder iaitu kaedah kepustakaan, kaedah analisis tekstual dan kaeda teoritikal.

### **3.5 Kaedah Analisis Data**

Menurut Noramirah dan Wan Mohd Khairul Firdaus (2017), kaedah analisis data adalah proses dalam menganalisis, menghurai, merumus serta menyatakan data

yang diperoleh ke dalam kajian yang dihasilkan. Oleh itu, setiap analisis unsur patriotisme yang diperoleh daripada novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* yang dipilih oleh pengkaji akan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tekstual dan kaedah teoritikal menerusi pengaplikasian Teori pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan moral.

### **3.5.1 Kaedah Analisis Tekstual**

Pengkaji menggunakan kaedah analisis tekstual menerusi pembacaan teks secara teliti. Kaedah ini juga digunapakai bertujuan untuk mengenalpasti unsur patriotisme yang terdapat di dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* yang ditulis oleh Abdul Latip bin Talib. Pengkaji juga meneliti setiap aspek yang terkandung dalam penceritaan di dalam teks novel ini bertujuan untuk memastikan setiap penceritaan yang dipilih mengandungi unsur patriotisme yang mampu memberi kesan positif dalam diri masyarakat. Setiap unsur patriotisme yang diperoleh akan dikaitkan dengan pendekatan moral bagi memantapkan lagi kajian. Tambahan pula, novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*.

### **3.5.2 Kaedah Teoritikal**

#### **Teori Pengkaedahan Melayu**

Teori pengkaedahan Melayu merupakan teori yang menjadi tunjang dalam kajian ini. Teori ini telah dikemukakan oleh Hashim Awang sekitar tahun 1989. Tujuan teori ini diperkenalkan adalah bagi menilai serta meneliti karya-karya sastera Melayu. Menurut Hashim Awang (1997) Sebuah karya sastera dicipta secara dinamik dan perlu diteliti secara menyeluruh tanpa mengurangkan sedikit pun daripada karya

tersebut. Selain itu, Teori Pengkaedahan Melayu juga mampu menjadi dasar kepada pembentukan nilai dan pembangunan modal insan.

Tambahan pula, Teori pengkaedahan Melayu adalah berdasarkan kepada dua pengkaedahan yang berhubungkait antaranya ialah pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Selain itu, kedua-dua pengkaedahan ini mempunyai kaedah yang tersendiri serta ianya bersandarkan kepada agama Islam serta ketamadunan masyarakat Melayu yang utuh.. Teori ini juga berpandukan kepada kehidupan sebenar manusia dan pegangan serta kepercayaan keagamaan pengkarya sastera (Hashim Awang, 2002).

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa teori pengkaedahan Melayu ini merupakan sebuah teori yang secara tidak langsung menyingkap nilai estetik dalam karya sastera Melayu yang sarat dengan kehalusan bahasa dan daya cipta yang kreatif dalam penghasilannya. Bagi kajian ini, pengkaji mengaplikasikan sub teori atau lanjutan daripada Teori pengkaedahan Melayu iaitu Pengkaedahan Gunaan yang dikenali sebagai pendekatan moral.

Pendekatan moral adalah huraian lanjutan daripada pendekatan gunaan. Hashim Awang (1993) menyatakan bahawa konsep kepustakaan dapat dimanfaatkan dalam karya sastera yang mana ia sarat dengan pengetahuan berdasarkan pengalaman. Pendekatan Moral juga merupakan pengalaman hidup yang telah dirasai oleh manusia serta ia mempunyai kaitan dengan kepercayaan, kemasyarakatan,, kejiwaan, kebangsaan, kebudayaan serta persekitaran yang bersangkutan paut dengan kemampuan daya kreativiti dan ilmu pengetahuan (Hashim Awang, 2002). Oleh hal yang demikian,

Pendekatan moral ini amat sesuai digunakan dalam dapatan kajian kerana ianya mempunyai perkaitan dengan kajian yang dibuat iaitu unsur patriotisme menerusi novel yang dipilih.

### 3.5 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan bahan atau alat yang digunakan oleh pengkaji sepanjang menyiapkan kajian. Instrumen kajian ini juga berfungsi sebagai cara pengkaji memperoleh data yang diperlukan bagi memastikan objektif kajian tercapai. Dalam mendapatkan data bagi objektif yang pertama, pengkaji telah menggunakan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* hasil karya Abdul Latip Talib dengan meneliti setiap bab di dalam novel tersebut untuk memperoleh unsur-unsur patriotisme yang paling banyak terapar dalam novel berkenaan. Bagi objektif yang kedua pula, pengkaji telah mengaitkan unsur-unsur patriotisme yang telah dipilih dan disenaraikan daripada novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa ini* dengan teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pendekatan Moral. Hal ini demikian kerana Pendekatan Moral amat bersesuaian untuk dikaitkan dengan unsur patriotisme. Seterusnya, bagi objektif yang ketiga pula, pengkaji akan meneliti setiap unsur patriotisme yang telah dipilih daripada novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* untuk dijelaskan kepentingannya dalam membentuk masyarakat yang berjiwa patriotik.

### 3.6 Rumusan

Secara keseluruhannya, bahagian bab ketiga ini merupakan bahagian yang menjelaskan berkenaan dengan kaedah serta metodologi yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian. Metodologi adalah proses mengupas kaedah-kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian seperti kaedah kepustakaan, kaedah analisis tekstual serta kaedah teoritikal bagi menyokong pengkaji menjalankan kajian ini dengan teratur dan tidak tersasar. Kaedah ini amat penting dalam metodologi supaya pengkaji dapat menambahkan idea yang berkaitan dengan tajuk kajian. Pengkaji turut menggunakan reka bentuk kualitatif untuk membuat kajian berdasarkan teks yang telah dipilih oleh pengkaji. Kaedah metodologi ini wajar ada dalam kajian kerana ia akan membantu pengkaji dalam melaksanakan kajian secara sistematik mengikut susunan yang telah ditetapkan. Oleh hal yang demikian, metodologi kajian merupakan salah satu strategi untuk memastikan kajian yang dilakukan akan berjalan lancar dan terlihat lebih sistematik serta pengkaji juga dapat mengembangkan idea-idea yang bernas.



## **Bab 4**

### **Analisis Dan Dapatan Kajian**

#### **4.1 Pengenalan**

Bab ini adalah bahagian yang akan memfokus serta menghurai hasil dapatan kajian yang berlandaskan kepada tiga objektif yang telah disenaraikan pada awal kajian. Dapatan kajian yang dibuat ini memfokuskan kepada unsur patriotisme yang terkandung dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa menerusi kaedah kualitatif dan bertepatan dengan objektif satu pengkaji. Selain itu, pada bahagian ini juga, pengkaji akan menganalisis dan menjelaskan secara deskriptif unsur patriotisme tersebut dengan mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral. Tujuan pendekatan moral ini digunakan adalah bertujuan untuk memudahkan pemahaman bagi pengkaji membuat huraian dengan lebih berkesan. Pengkaji juga hanya memfokuskan kepada dua prinsip utama sahaja dalam pendekatan moral iaitu prinsip mementingkan isi daripada bentuk dan prinsip mementingkan unsur didaktik. Tambahan pula, pengkaji juga turut menganalisis kesan unsur patriotisme yang terdapat dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ini kepada masyarakat dengan lebih mendalam.

## 4.2 Unsur Patriotisme Dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa

Menurut Nik Anuar Nik Mahmud (2002), patriotisme sering kali dihubungkan dengan kecintaan serta kesetiaan seseorang kepada negara mereka sendiri. Apabila seseorang itu memiliki kepercayaan serta tindakan yang memaparkan kesetiaan dan kecintaan terhadap negara dianggap sebagai seorang yang berjiwa patriot. Abd Rahim (1999) pula berpendapat bahawa patriotisme ini secara umumnya dihubungkan dengan perasaan, tingkah laki, semangat serta idealisme yang melibatkan pengorbanan, kecintaan, perjuangan, kebangsaan serta sumbangan yang dilakukan oleh rakyat kepada negara, bangsa dan agama. Seterusnya, menurut Holmes dan van Marle (1959), patriotisme ialah kecintaan yang kuat terhadap negara di mana seseorang itu bersedia untuk berkorban untuk negara tercinta. Perasaan cinta kepada tanah air ini dapat diwujudkan dalam hati manusia menerusi usaha untuk memperoleh matlamat serta aspirasi negara. Tambahan pula, menurut Nordin Kardi (2003), seseorang itu boleh dianggap sebagai patriot apabila mereka membuat tindakan berlandaskan kepada kesetiaan serta kecintaannya kepada negara. Oleh itu, unsur patriotisme ini menjadi unsur ketahanan nasional yang penting sebagai tanggungjawab serta komitmen rakyat kepada negara.

### 4.2.1 Sikap Rela Berkorban

Menurut Soegito (2006), sikap rela berkorban merupakan perbuatan atau tingkah laku seseorang yang melakukan sesuatu dengan ikhlas serta mengutamakan kepentingan orang lain dalam dirinya. Seseorang yang memiliki sikap rela berkorban ini sememangnya akan sanggup melakukan sesuatu perkara dengan rela hati tanpa ada sebarang paksaan daripada mana-mana pihak. Tambahan pula, unsur patriotisme rela berkorban ini juga merupakan suatu tingkah laku yang dibuat secara ikhlas serta

sanggup mengutamakan kepentingan orang lain daripada dirinya sendiri. Sikap rela berkorban ini sememangnya bukanlah perkara yang mudah kerana kita perlu mengeneipkan sikap mementingkan diri sendiri.

Watak Adnan di dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ini telah memaparkan sikap rela berkorban beliau dalam melakukan perkara yang melibatkan keselamatan negara meskipun beliau terpaksa meninggalkan tanggung jawabnya sebagai ketua keluarga. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah :

“Tugasnya itu sedikit pun tidak membebankan walaupun terpaksa berpisah dengan isteri dan anak-anak kerana bidang itu menjadi pilihannya sendiri.”

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 151)

Petikan di atas memaparkan sikap rela berkorban yang dilakukan oleh Adnan iaitu beliau terpaksa meninggalkan isterinya Sophia serta dua orang anaknya Mokhtar dan Zainuddin demi menjalankan tanggungjawab yang besar sebagai ketua untuk melatih rekrut baharu. Adnan terpaksa berjauhan dengan mereka pada ketika itu. Beliau pada waktu itu berada di Singapura manakala isteri dan anak-anaknya berada di Kajang. Adnan tidak dapat membawa keluarganya bersama kerana beliau tiada kemudahan ketika berada di Bukit Candu dan pada waktu itu juga telah berlaku peperangan di Eropah yang mengakibatkan latihan bagi anggota askar Melayu perlu dipertingkatkan. Tambahan pula, suatu tragedi telah berlaku ketika beliau tinggal berjauhan dengan keluarganya iaitu beliau telah kehilangan seorang anak perempuan

dan perkara tersebut menyebabkan beliau berasa amat terkilang kerana tidak dapat menemani isterinya pada waktu itu.

Pengorbanan yang dilakukan oleh Adnan sememangnya amat tinggi nilainya kerana beliau rela berkorban dengan berjauhan dari ahli keluarganya demi tanggungjawab yang dipikul sebagai ketua. Kecekalan hatinya meninggalkan ahli keluarga sememangnya wajar dijadikan contoh dan teladan.

Selain itu, terdapat petikan lain yang memaparkan Adnan seorang yang rela berkorban seperti :

“Sudah kedengaran ura-ura Jepun mahu menyerang Singapura. Mereka mahu menjajah Tanah Melayu. Keselamatan Sophia dan anak-anak tidak terjamin kalau terus berada di sini. Jadi, abang terpaksa hantar Sophia dan anak-anak pulang ke kampung. Di sana lebih selamat. Mak dan ayah boleh tengok-tengokkan Sophia dan anak-anak.

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 158)

Berdasarkan petikan di atas, Adnan telah mendengar khabar angin bahawa Jepun akan datang untuk menyerang Singapura dan menjajah Tanah Melayu. Hal ini telah menyebabkan Adnan perlu merelakan perpisahan lagi dengan menghantar isteri dan anak-anaknya pulang ke kampung demi keselamatan mereka meskipun mereka baru sahaja pindah tinggal bersama di Singapura. Perasaan sedih dan pilu yang dirasai oleh mereka amat pahit untuk ditelan namun perkara tersebut dilakukan demi

memastikan ahli keluarganya sentiasa berada dalam keadaan selamat dan jauh daripada peperangan.

Hal ini telah membuktikan bahawa Adnan seorang yang rela berkorban berjauhan semula dengan ahli keluarga demi memastikan mereka tidak berada dalam peperangan yang bakal berlaku. Selain itu, sikap rela berkorban diserlahkan lagi berdasarkan petikan :

"Salah tu, Salleh. Perjuangan memerlukan pengorbanan. Pengorbanan pula melambangkan maruah diri. Tanpa pengorbanan kita akan hilang segala. Perjuangan dan pengorbanan perlu ada dalam jiwa kita untuk mempertahankan tanah air tercinta ini daripada dijajah dan dikuasai bangsa asing. Aku rela mati daripada tunduk kepada musuh!" katanya tegas.

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 104)

Berdasarkan kepada petikan di atas, Adnan menyatakan kepada rakannya, Salleh bahawa setiap perjuangan semestinya memerlukan pengorbanan kerana setiap pengorbanan yang dilakukan melambangkan kepada maruah seseorang. Manusia akan hilang segala jika tiada pengorbanan. Perasaan juang dan berkorban sememangnya perlu wujud dalam diri setiap manusia bagi memastikan negara kita tidak dijajah dan dikuasai orang asing. Tambahan pula, beliau juga mengatakan bahawa beliau sanggup bergadai nyawa daripada menyerah kepada musuh. Pernyataan yang dilontarkan oleh Adnan jelas menunjukkan betapa beliau amat mencintai tanah airnya.

Sikap rela berkorban ini sewajarnya wujud dalam diri setiap masyarakat kerana sekiranya kita tidak mahu berkorban nyawa untuk negara, maka negara kita akan di dominasi oleh kuasa luar dengan mudah. Kita seharusnya melindungi negara kita dengan bersatu hati sesama kaum agar perpaduan dapat diperkukuhkan.

#### **4.2.2 Semangat Cinta Kepada Negara**

Kecintaan kepada negara sememangnya boleh dipaparkan dalam pelbagai cara dan ianya bukan sekadar disebut di mulut semata-mata atau bersifat simbolik seperti hormat kepada bendera, lagu dan pemimpin (Muhamad Ali Embi, 2009). Menurut Abdullah (2009), rasa cinta dan setia kepada negara Malaysia dapat dipaparkan menerusi cara mengambil berat akan perpaduan dalam aspek pembangunan. Dalam pada itu, semangat cinta kepada negara ini sememangnya dapat melahirkan generasi yang beradab serta sentiasa bersedia untuk menghadapi ancaman dan cabaran pada masa kini.

Oleh hal yang demikian, semangat cinta kepada negara ini dapat dilihat menerusi novel Leftenan Adnan Wira Bangsa seperti petikan di bawah :

“Mengapa kamu berminta menjadi seorang askar? Kamu tidak takut berhadapan dengan bahaya?” soal guru Inggeris itu. “Tidak, sir! Askar merupakan satu pekerjaan paling mulia. Dengan menjadi seorang pejuang, saya dapat menjaga keselamatan orang ramai dan dapat memelihara serta menjaga keamanan negara daripada serangan musuh,” jawabnya tegas.

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 68)

Petikan di atas menyatakan bahawa Adnan memaparkan semangat cinta kepada negara dengan berani dan yakin menyatakan hasratnya untuk menjadi seorang askar ketika ditanya oleh gurunya tentang cita-citanya pada dewasa kelak. Beliau merasakan bahawa askar adalah salah satu pekerjaan yang amat mulia kerana dengan menjadi askar, beliau akan memastikan keselamatan rakyat dijaga dan negara berada dalam keadaan yang aman damai tanpa sebarang gangguan daripada musuh luar. Keselamatan negara sememangnya menjadi tanggungjawab besar bagi seorang pejuang negara.

Oleh itu, sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya menanamkan rasa cinta dan sayang kepada negara daripada kecil kerana dengan wujudnya rasa cinta ini, maka akan lahir generasi yang ingin berjuang mempertahankan negara bangsa daripada dijajah. Selain itu, terdapat petikan lain yang memaparkan semangat cinta kepada negara menerusi Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa seperti di bawah :

"Ajal maut ketentuan Tuhan. Dia boleh menarik bila-bila masa nyawa kita tidak kira kita berada di mana-mana sekalipun. Jadi, sepatutnya kita berbangga jika dipilih terkorban di jalan yang benar. Sudah menjadi tanggungjawab kita mempertahankan tanah air. Tanggungjawab kita bukan sahaja kepada keluarga malah tetapi lebih daripada itu. Besar tanggungjawab yang kita pikul. Andai kita mati bertempur di medan perang, mati syahid kita, Nordin. Kata-kata perangsang Adnan menyuntik semangat baharu ke dalam diri Mamat dan juga Nordin.

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 162)

Berdasarkan kepada petikan di atas, semangat cinta kepada negara ini telah menyebabkan seseorang yang bergelar pejuang sanggup terkorban dalam peperangan dan percaya bahawa setiap kematian telah ditentukan oleh tuhan. Watak Adnan telah menunjukkan bahawa beliau sanggup terkorban dan turut mengetepikan soal dirinya dan ahli keluarga demi melaksanakan tanggungjawab dan amanat yang telah dipikul. Tugas yang dipikul oleh beliau sebenarnya amat berat dan sedikit pun tidak rasa gentar dan berasa ia satu bebanan.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa apabila seseorang telah menyemai rasa cinta kepada negara dengan mendalam, mereka akan melakukan apa sahaja meskipun perlu rela bergadai nyawa di medan perang asalkan negaranya dapat diselamatkan.

#### **4.2.3 Semangat Kekitaan**

Menurut Syed Farid (2006), semangat kekitaan menerusi pertalian darah adalah semangat kekitaan yang paling utuh kerana wujudnya perasaan saling bantu-membantu dan saling sayang-menyayangi antara satu sama lain. Namun begitu, semangat kekitaan ini wujud dalam dua situasi yang berlainan iaitu yang pertama apabila seseorang itu mengamalkan semangat kekitaan di tempat tinggal asal dan yang kedua adalah menerusi semangat kekitaan berdasarkan kepada hubungan untuk menerima perlindungan serta hubungan sebagai hamba abdi. Selain itu, semangat kekitaan juga adalah suatu sifat berkasih sayang yang menjadi penggerak asas kepada sikap ketaatan yang diberikan kepada seorang pemimpin yang berkongsi rasa semangat kekitaan dengan menyemai sikap saling hormat-menghormati, saling bantu-membantu serta berani memberikan batu loncatan sehinggakan mereka sanggup



berkorban bagi memastikan ketamadunan mereka akan berkekalan (Ibnu Khaldun, 1967).

Dalam pada itu, nilai hidupan seharian, tingkah laku seseorang serta gaya hidup bermasyarakat merupakan antara ciri-ciri yang berpautan dengan semangat kekitaan. Semangat kekitaan ini sememangnya dapat membina serta membentuk seseorang untuk sentiasa bekerjasama, bertanggungjawab sekaligus bersedia dalam membantu dan mempertahankan masyarakat demi kesejahteraan bersama. Oleh hal yang demikian, antara aspek utama yang dapat membangunkan semangat kekitaan ini adalah melalui permuafakatan, perpaduan, keselamatan serta kesejahteraan.

Menerusi penelitian dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa, terdapat beberapa paparan yang menonjolkan semangat kekitaan. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan dialog di bawah :

“Gua kasi satu cadangan sama Pak Saidi. Lu angkat satu basikal, kemudian setiap bulan bayar ansur-ansur ikut kemampuan,” cadang Ah Chong.

“Aku bukan ada pendapatan tetap, Ah Chong. Aku takut nanti tak mampu nak bayar hutang.”

“Kita sudah lama kenal, sudah macam saudara. Dengan Pak Saidi gua percaya, tapi kalau dengan lain gua tak percaya,” bisiknya perlahan.

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 64)

Petikan dialog di atas menunjukkan semangat kekitaan tanpa mengira bangsa dan agama. Semangat kekitaan jelas terpancar pada watak Ah Chong yang merupakan satu-satunya pemilik kedai basikal di pekan Sungai Ramal. Ah Chong telah menawarkan bantuan kepada Pak Saidi dengan membenarkan beliau untuk membeli basikal dengan membuat bayaran secara ansuran mengikut kemampuan Pak Saidi sendiri. Ah Chong yang merupakan penduduk berbangsa Cina ini telah menganggap Pak Saidi sebagai saudaranya sendiri meskipun berbeza agama dan kaum. Gambaran semangat kekitaan ini telah mengukuhkan perpaduan di antara masyarakat yang berbilang kaum di kampung tersebut sekaligus hubungan antara kaum Cina dan kaum Melayu terjalin dengan sangat erat.

Oleh hal yang demikian, pemupukan semangat kekitaan wajar diterapkan dalam diri setiap insan walaupun perbezaan kaum supaya masyarakat akan hidup dalam aman sejahtera dengan saling bersatu padu dan tolong-menolong demi kepentingan hidup bersama. Selain itu, terdapat petikan lain yang menunjukkan semangat kekitaan seperti di bawah :

“Tajuk perbualan orang kampung tertumpu tentang kedatangan anggota-anggota British tengah hari tadi untuk mencari anak-anak muda Melayu yang berminat menyertai pasukan Askar Melayu yang baru ditubuhkan itu. Ternyata kempen itu mendapat sambutan hebat dalam kalangan anak muda kampung. Satu sebab utama, mereka mahu mengubah corak kehidupan yang mereka jalani selama ini.”

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 108)

Berdasarkan petikan di atas menggambarkan bahawa penduduk Kampung Sungai Ramal terutama golongan muda memiliki semangat kekitaan apabila mereka memberikan sokongan dan kerjasama dalam kempen yang dibuat oleh Tok ketua berkaitan dengan pencarian pasukan Askar Melayu. Tok Ketua telah mendapat khabar bahawa anggota Tentera British mahu menjadi pasukan Askar Melayu dalam kalangan anak muda untuk mereka menjalankan latihan ketenteraan di Port Dickson. Hal ini membuktikan bahawa semangat kekitaan dapat dibentuk dan diterapkan kepada golongan muda menerusi pelbagai cara. Tambahan pula, golongan muda di kampung Sungai Ramal ini menginginkan satu perubahan pada kehidupan mereka dengan menceburi bidang ketenteraan agar dapat menyahut seruan para Raja-raja yang mengimpikan pertubuhan askar-askar Melayu dalam kalangan anak muda.

Jelaslah bahawa semangat kekitaan di kalangan anak muda dapat dilihat dalam novel Leftenan Adnan Wira bangsa ini. Keteguhan hati mereka untuk bersama-sama menceburi bidang ketenteraan wajar dijadikan contoh kepada anak muda masa kini untuk sentiasa teguh dalam membuat keputusan bagi mengubah cara hidup yang lebih baik.

Seterusnya, terdapat petikan lain yang menonjolkan semangat kekitaan daripada novel Leftenan Adnan Wira bangsa ini iaitu :

“Sebahagian kaum lelaki kampung itu pula tidak mahu berpindah kerana mereka mahu bersama-sama menentang musuh. Penghulu Deraman yang mengetuai penduduk kampung telah menyatakan hasratnya untuk bekerjasama dengan pasukan tentera bagi melindungi kampung mereka

daripada diceroboh oleh tentera Jepun. Kampung-kampung lain juga ingin turut serta mengawal kampung masing-masing. Ternyata mereka sudah nekad.”

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 166)

Menerusi petikan di atas menunjukkan semangat kekitaan menerusi sikap segelintir kaum lelaki di Kampung Sungai Ramal. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka berkeras untuk tidak meninggalkan kampung mereka demi melindungi kampungnya sekaligus bertekad untuk melawan musuh. Petikan di atas juga telah memaparkan semangat kekitaan yang timbul dalam diri Penghulu Deraman selaku ketua kampung di Kampung Sungai Ramal kerana beliau juga ingin berganding bahu untuk turut serta dengan penduduk kampung lelaki untuk membantu pasukan tentera dalam menentang tentera Jepun yang cuba untuk menceroboh kampung tersebut.

Oleh hal yang demikian, semangat kekitaan di antara penduduk kampung dengan ketua kampung jelas dipaparkan dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa. Sikap semangat kekitaan yang tinggi sememangnya dapat membentuk masyarakat yang saling menghulurkan bantuan kepada orang lain demi memastikan keselamatan dilindungi daripada terus diganggu oleh musuh luar. Pemupukan semangat kekitaan ini wajar disemai dan wujud dalam diri setiap masyarakat tanpa mengira kaum dan agama.

#### **4.2.4 Sikap Berjuang Menuntut Kemerdekaan**

Berjuang ialah usaha yang berani dan sanggup berkorban untuk mencapai matlamat, objektif dan hala tuju yang jelas. Menurut Andriza (2017), berjuang ialah semangat yang digunakan untuk mendorong seseorang mencapai kejayaan dengan

menggantikan dalaman yang dianggap kelemahan dalam kehidupan seseorang. Pada dasarnya, setiap keazaman dan niat yang kuat dalam diri setiap manusia sememangnya berupaya membawa diri mereka berjaya melakukan sesuatu yang dianggap berat bagi orang lain. Hal ini berpunca daripada rasa percaya diri untuk berjuang mencapai sesuatu yang diimpikan seperti berjuang menuntut kemerdekaan. Matlamat sebegini akan membawa seseorang itu untuk tidak mudah berputus asa dalam mengharungi pahit getir sebuah perjuangan. Ungkapan kemerdekaan sememangnya memiliki makna yang berbeza untuk setiap manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana golongan yang berjuang menerusi air mata dan darah merasakan kemerdekaan itu merupakan suatu khazanah yang tidak ternilai manakala bagi segelintir golongan merasakan kemerdekaan hanyalah sekadar cuti umum sahaja.

Oleh hal yang demikian, berdasarkan novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ini, terdapat unsur patriotisme melalui berjuang menuntut kemerdekaan seperti petikan di bawah :

“Saya tak menyesal, tuan. Malah berasa bangga kerana kita mempunyai tanggungjawab bagi mempertahankan tanah air. Kita sanggup berkorban nyawa untuk tugas ini,” Jawab Sarjan Hasan. Leftenan Adnan berasa senang hati mendengarnya. Tidak sia-sia dia menanamkan semangat perjuangan kepada anggotanya selama ini. Walaupun berjauhan dengan keluarga namun tidak melunturkan semangat mereka untuk berjuang mempertahankan negara.”

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 176)

Petikan di atas menunjukkan sikap juang yang wujud dalam diri Sarjan Hasan apabila beliau menyatakan beliau sanggup berjuang mempertahankan tanah air meskipun perlu meninggalkan ahli keluarganya dan beliau juga rela bergadai nyawa demi menyelamatkan negara. Semangat berjuang yang ditonjolkan oleh Sarjan Hasan membuatkan Leftenan Adnan berasa amat bangga dengannya serta berasa usaha beliau memupuk semangat perjuangan kepada anggotanya selama ini membawa hasil.

Pengorbanan yang dibuat oleh Sarjan Hasan dalam berjuang menuntut kemerdekaan sememangnya menjadi satu kebanggaan kepada kita sebagai rakyat yang telah menikmati kemerdekaan pada masa kini. Setiap manusia mestilah mempunyai sikap juang ini supaya apabila berlaku sesuatu yang di luar jangkauan, kita akan bersedia dan sanggup berkorban meskipun terpaksa kehilangan nyawa.

Tambahan pula, terdapat petikan lain yang menonjolkan sikap berjuang menuntut kemerdekaan seperti petikan di bawah :

“Sebenarnya, askar Nepal dan India juga tidak bersemangat untuk mempertahankan negeri ini. Mereka juga lebih sayang akan tanah air mereka tetapi kita tidak ada pilihan. Kita tidak akan ke tempat lain lagi untuk melarikan diri. Oleh itu, kita mesti mempertahankan negeri ini hingga ke titisan darah yang terakhir,” kata Leftenan Adnan pula.

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 179)

Petikan di atas menunjukkan sikap berjuang menuntut kemerdekaan yang terpancar pada watak Leftenan Adnan. Keselamatan negara sememangnya telah

menjadi tanggungjawab besar bagi seorang pejuang negara. Leftenan Adnan percaya bahawa askar Nepal dan India juga lebih mahu berjuang untuk negara mereka sendiri berbanding negara beliau. Oleh itu, Leftenan Adnan telah menyatakan kepada anggota-anggotanya bahawa mereka tidak boleh melarikan diri ke tempat lain selain mereka perlu kekal bertahan dan berjuang demi menjaga dan mempertahankan negeri mereka meskipun nyawa mereka terkadai.

Justeru itu, sikap berjuang menuntut kemerdekaan dalam watak Leftenan Adnan selaku ketua kepada anggota-anggotanya jelas menunjukkan sikap berjuang menuntut kemerdekaan. Sebagai ketua, kita sewajarnya memberi keyakinan dan sokongan kepada orang bahawa agar terus maju ke hadapan untuk menghadapi segala rintangan yang mendatang.

Seterusnya, sikap berjuang menuntut kemerdekaan ini juga dapat dilihat menerusi petikan di bawah :

“ Pertahanan di Bukit Candu semakin meruncing kerana askar Melayu terus diasak. Namun, pertempuran masih lagi berlanjutan kerana askar Melayu masih terus berjuang. Walaupun menyedari mereka hampir kalah, tetapi mereka rela mati daripada menyerah diri. Leftenan Adnan bersama-sama anggotanya masih menentang tentera Jepun yang semakin ganas membuat serangan.”

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 323)

Petikan di atas ini jelas memaparkan sikap askar Melayu yang mahu terus berjuang habis-habisan untuk menyelamatkan negara meskipun harapan mereka untuk

menang dalam pertempuran dengan tentera Jepun semakin menipis. Bukan itu sahaja, mereka juga rela bermatian demi menuntut kemenangan daripada mengalah tanpa sebarang usaha serta mereka tidak mahu menyerahkan diri begitu sahaja. Semangat juang sebegini jelas menunjukkan bahawa askar Melayu pada ketika itu memiliki semangat juang yang tinggi dalam memastikan negara mereka terselamat daripada musuh durjana.

Oleh hal yang demikian, unsur patriotisme menerusi sikap berjuang menuntut kemerdekaan ini jelas terpapar dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa menerusi watak askar Melayu. Tugas sebagai seorang askar merupakan sebuah tugas yang amat berat untuk dipikul kerana mereka perlu menjaga negara dan mempertahankan negara daripada diganggu serta diceroboh oleh orang asing. Semangat juang ini mestilah diterapkan dalam diri setiap askar supaya mereka akan terus kuat dan berjaya menyelamatkan negara.



### **4.3 Unsur patriotisme dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu Menerusi Pendekatan Moral**

Teori Pengkaedahan Melayu merupakan teori yang pengkaji pilih untuk diaplikasikan dalam kajian namun pengkaji hanya menggunakan satu pendekatan sahaja iaitu pendekatan moral. Menurut Semi (1993), moral digambarkan sebagai peraturan serta cara hidup yang dikongsi oleh masyarakat tertentu. Pendekatan moral pula adalah berdasarkan andaian bahawa karya sastera merupakan medium yang paling berkesan untuk membangunkan akhlak dan keperibadian sesuatu kelompok dalam sesebuah masyarakat (Rahman Shaari, 1994). Tambahan pula, pendekatan moral lebih mengutamakan kepada hubungan budaya serta penilaian moral seperti penilaian budaya, falsafah dan agama.

#### **4.3.1 Sikap Rela Berkorban**

Rela berkorban terdiri daripada dua perkataan iaitu rela dan berkorban. Rela diertikan sebagai melakukan sesuatu dengan rela tanpa mengharapkan sebarang ganjaran serta ia bertindak atas kehendak sendiri. Manakala berkorban pula ialah kesanggupan mengorbankan sesuatu yang dimiliki meskipun pada akhirnya memberi penderitaan pada dirinya sendiri. Menurut Edwin (2009) rela berkorban boleh diertikan sebagai kerelaan seseorang dalam melaksanakan atau menyerahkan sesuatu termasuklah nyawanya sendiri demi menunjukkan kebaktian kepada negara. Dalam pada itu, petikan di bawah berkaitan dengan sikap rela berkorban yang dapat dikaitkan dengan Pendekatan Moral :

“Tugasnya itu sedikit pun tidak membebankan walaupun terpaksa berpisah dengan isteri dan anak-anak kerana bidang itu menjadi pilihannya sendiri.”

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 151)

Berdasarkan petikan teks di atas, watak Leftenan Adnan digambarkan sebagai seorang yang memiliki sikap rela berkorban apabila beliau rela berpisah dengan ahli keluarganya demi melaksanakan tanggungjawabnya sebagai seorang ketua dalam ketenteraan. Beliau tidak pernah menganggap pekerjaannya sebagai seorang ketua askar itu adalah suatu beban kepadanya kerana pekerjaan tersebut merupakan pilihannya sendiri dan telah menjadi tanggungjawabnya untuk berkorban demi keselamatan negara.

Dalam pada itu, unsur patriotisme melalui sikap rela berkorban demi tugas yang dipikul ini bertunjangan pendekatan Moral. Hal ini dikatakan demikian kerana sikap rela berkorban ini memperlihatkan setiap perlakuan yang dibuat hasil keinginan sendiri akan memberikan seribu satu kebaikan kepada dirinya kelak.

Seterusnya, terdapat contoh petikan lain yang menunjukkan sikap rela berkorban dalam novel *Leftenan Adnan Wira bangsa* :

“Sudah kedengaran ura-ura Jepun mahu menyerang Singapura. Mereka mahu menjajah Tanah Melayu. Keselamatan Sophia dan anak-anak tidak terjamin kalau terus berada di sini. Jadi, abang terpaksa hantar Sophia dan

anak-anak pulang ke kampung. Di sana lebih selamat. Mak dan ayah boleh tengok-tengokkan Sophia dan anak-anak.

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 158)

Menerusi petikan di atas ini, sikap rela berkorban Leftenan Adnan dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* jelas terlihat apabila beliau terpaksa rela untuk berpisah lagi dengan isterinya, Sophia dan anak-anaknya demi memastikan keselamatan mereka terjamin. Kebimbangan Adnan terhadap keselamatan ahli keluarganya semakin membuak apabila beliau mendengar khabar angin menyatakan tentera Jepun mahu menyerang Singapura sekaligus hendak menjajah Tanah Melayu. Oleh itu, beliau telah mengambil langkah terbaik untuk melindungi ahli keluarganya dengan menghantar mereka pulang dan tinggal sebentar di kampung bersama-sama dengan mak dan ayah beliau. Beliau yakin mereka akan lebih selamat apabila berada di sana walaupun beliau tiada di sisi mereka. Walaupun pada hakikatnya Adnan baru sahaja dapat tinggal sebumbung dengan ahli keluarganya, namun beliau harus redha dan akur dengan keadaan sekeliling demi memastikan keselamatan ahli keluarganya terjamin dan mereka tidak terlibat dalam peperangan yang bakal berlaku.

Sehubungan dengan itu, menerusi teori Pengkaedahan Melayu bersesuaian dengan pendekatan moral jelas pengarang berjaya menerapkan aspek moral pada watak Leftenan Adnan yang rela berkorban demi memastikan keselamatan ahli keluarganya terjamin. Aspek moral yang dinyatakan di atas adalah untuk mendidik pembaca mahupun masyarakat untuk sanggup berkorban berjauhan dengan ahli keluarga meskipun perkara itu dibuat tanpa kerelaan hati. Oleh itu, pengarang melalui teori pengkaedahan Melayu berjaya menyuntik unsur patriotisme melalui sikap rela

berkorban ke dalam jiwa pembaca mahupun masyarakat di sepanjang pembacaan novel *Leftenan Adnan Wira bangsa* ini. Inilah intipati moral yang memperkukuh sikap rela berkorban sebagai aspek membina masyarakat yang berjiwa kental.

Tambahan pula, terdapat petikan lain yang menunjukkan sikap rela berkorban dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* yang akan dikaitkan dengan Pendekatan Moral seperti petikan di bawah :

"Salah tu, Salleh. Perjuangan memerlukan pengorbanan. Pengorbanan pula melambangkan maruah diri. Tanpa pengorbanan kita akan hilang segala. Perjuangan dan pengorbanan perlu ada dalam jiwa kita untuk mempertahankan tanah air tercinta ini daripada dijajah dan dikuasai bangsa asing. Aku rela mati daripada tunduk kepada musuh!" katanya tegas.

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 104)

Berdasarkan petikan di atas, sikap rela berkorban pada watak Leftenan Adnan apabila beliau tegas mengatakan bahawa beliau rela mati daripada tunduk dan menyerah kepada musuh. Beliau menjelaskan kepada Salleh bahawa setiap perjuangan amat memerlukan sebuah pengorbanan. Hal ini kerana pengorbanan telah menjadi satu lambang maruah dalam diri seseorang dan sekiranya tiada, maka kita sebagai manusia akan hilang segala-galanya. Perasaan juang dan berkorban harus disemat dalam jiwa agar tanah air yang tercinta ini dapat dipertahankan daripada terus dijajah dan dikuasai bangsa asing.

Oleh itu, unsur patriotisme melalui sikap rela berkorban dengan rela bergadai nyawa demi mempertahankan negara ini sejajar dengan Pendekatan Moral dalam

Teori Pengkaedahan Melayu yang mana ia adalah suatu sikap yang membina dalam kehidupan. Jelaslah bahawa sekiranya ia diamalkan dalam diri tiap manusia akan melahirkan insan yang bermoral, memiliki sahsiah terpuji dan tidak mudah putus asa dalam mendepani pelbagai cabaran. Setiap manusia sewajarnya menyematkan perasaan ingin berkorban untuk negara sendiri kerana setiap pengorbanan yang akan kita lakukan akan menunjukkan bahawa negara yang aman adalah bermula dengan rakyatnya yang berjiwa patriotik.

#### **4.3.2 Semangat Cinta Kepada Negara**

Semangat cinta kepada negara diertikan sebagai suatu perasaan bangga serta sayang akan negara sendiri. Menurut Shafezah Abdul Wahab (2017), pemupukan semangat cinta kepada negara ini sememangnya bukan sahaja bergantung hanya kepada kibaran jalur gemilang serta bahan sejarah semata-mata, namun ia harus dibuat menerusi pelbagai cabang transformasi media. Para pejuang negara kebiasaannya akan menyematkan perasaan cinta kepada tanah air dengan dengan mengutamakan kepentingan negara daripada kepentingan dirinya sendiri. Apabila seseorang itu memaparkan kesediaannya untuk berkorban demi negara, ia membuktikan bahawa mereka memiliki kesetiaan yang amat tinggi kepada tanah air yang tercinta. Tambahan pula, semangat cinta kepada negara ini merangkumi pelbagai aspek sama ada dari segi ekonomi, politik, bangsa, kaum, agama dan sebagainya yang melibatkan dengan negara.

Dalam pada itu, unsur patriotisme menerusi semangat cinta kepada negara yang terdapat dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* turut dikaitkan dengan Pendekatan Moral.

“Mengapa kamu berminta menjadi seorang askar? Kamu tidak takut berhadapan dengan bahaya?” soal guru Inggeris itu. “Tidak, sir! Askar merupakan satu pekerjaan paling mulia. Dengan menjadi seorang pejuang, saya dapat menjaga keselamatan orang ramai dan dapat memelihara serta menjaga keamanan negara daripada serangan musuh,” jawabnya tegas.

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 68)

Berdasarkan petikan teks di atas, semangat cinta kepada negara dipaparkan oleh pengarang melalui watak Adnan. Perkara ini dapat dilihat apabila pengarang menggambarkan Adnan sebagai seorang remaja yang memiliki semangat ingin menjadi seorang askar apabila beliau dewasa kelak. Meskipun pada ketika itu beliau masih di bangku sekolah, namun kecintaan beliau kepada negara begitu tinggi sehinggakan beliau yakin dan percaya bahawa menjadi seorang askar merupakan sebuah pekerjaan yang amat tulus. Matlamat utama beliau untuk menjadi askar adalah beliau mahu memastikan masyarakat serta negara berada dalam keadaan yang selamat dan damai serta bebas daripada sebarang serangan musuh. Kecintaan beliau kepada negara terserlah apabila beliau juga tidak gentar untuk menghadapi segala rintangan yang bakal terjadi apabila beliau menjadi askar kelak.

Sehubungan dengan itu, menerusi teori Pengkaedahan Melayu bersesuaian dengan pendekatan moral jelas pengarang berjaya menerapkan aspek moral pada watak Adnan yang cinta akan negara dengan bercita-cita mahu menjadi pejuang. Aspek moral yang dinyatakan ini adalah untuk menyedarkan masyarakat untuk menanamkan rasa cinta kepada negara sejak dari kecil lagi agar generasi baharu akan lebih memahami dan mahu berbakti untuk negara. Inilah intipati moral yang

memperkukuh semangat cinta kepada negara sebagai aspek bagi membentuk sahsiah yang terpuji.

Selain itu, terdapat petikan lain yang menunjukkan semangat cinta kepada negara seperti petikan di bawah :

"Ajal maut ketentuan Tuhan. Dia boleh menarik bila-bila masa nyawa kita tidak kira kita berada di mana-mana sekalipun. Jadi, sepatutnya kita berbangga jika dipilih terkorban di jalan yang benar. Sudah menjadi tanggungjawab kita mempertahankan tanah air. Tanggungjawab kita bukan sahaja kepada keluarga malah tetapi lebih daripada itu. Besar tanggungjawab yang kita pikul. Andai kita mati bertempur di medan perang, mati syahid kita, Nordin. Kata-kata perangsang Adnan menyuntik semangat baharu ke dalam diri Mamat dan juga Nordin.

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 162)

Berdasarkan petikan di atas jelas memaparkan semangat cinta kepada negara yang ditonjolkan oleh pengarang melalui watak Adnan. Pengarang menonjolkan watak Adnan sebagai seorang anak muda yang berjiwa besar dan kental dapat menghadapi segala cabaran yang bakal beliau lalui meskipun ditakdirkan akan terkorban semasa mempertahankan tanah air. Adnan merasakan beliau memikul tanggungjawab yang amat besar berbanding tanggungjawabnya kepada keluarga apabila beliau bergelar sebagai seorang pejuang negara. Sikap semangat cinta kepada negara pada watak Adnan ini juga jelas dilihat apabila beliau percaya bahawa

sekiranya beliau ditakdirkan mati semasa berperang mempertahankan negara, maka beliau akan mendapat mati syahid.

Justeru itu, menerusi teori Pengkaedahan Melayu bersesuaian dengan pendekatan moral jelas pengarang berjaya menerapkan aspek moral pada watak Adnan yang sangat cinta kepada negara sehingga rela kehilangan nyawa demi tanggungjawabnya sebagai pejuang kepada negara. Oleh itu, melalui pendekatan moral ini, pengarang berjaya menyuntik unsur patriotisme melalui semangat cinta kepada negara ke dalam diri masyarakat untuk lebih menyayangi serta cinta akan tanah air yang kita duduki ini. Semangat sebegini sememangnya wajar diterapkan dalam diri setiap insan agar terlahir lebih ramai pejuang negara yang sanggup kehilangan nyawa serta bertanggungjawab dalam memastikan negara berada dalam keadaan selamat daripada ancaman. Inilah intipati moral yang akan menguatkan aspek pembinaan negara bangsa yang berjaya.

#### **4.3.3 Semangat Kekitaan**

Menurut Al-Roubaie (2009), semangat kekitaan ini dapat dibina menerusi perpaduan sosial, saling sayang-menyayangi, serta kerjasama yang baik antara satu sama lain. Kesemua ciri ini adalah penting dalam memupuk kerjasama di kalangan ahli komuniti negara yang berkongsi budaya, agama dan tradisi sosial yang sama. Apabila sesebuah hubungan yang rapat terjalin maka akan timbul semangat saling tolong-menolong dan sanggup berkorban sehingga sanggup bermatian untuk membela satu sama lain. Maka, dapatlah dikatakan bahawa semangat kekitaan ini membawa kepada kesanggupan serta kemahuan yang ada dalam diri seseorang untuk saling menghulurkan bantuan dan bekerjasama dengan orang lain. Seseorang yang memiliki



semangat kekitaan akan merujuk kepada dirinya dari segi identiti komuniti atau masyarakat di sekelilingnya, memiliki perlakuan atau tingkah laku yang diterima masyarakat serta menilai dirinya berlandaskan kepada nilai-nilai sesebuah masyarakat.

Oleh itu, terdapat beberapa petikan yang menunjukkan semangat kekitaan yang akan dikaitkan dengan pendekatan moral seperti di bawah :

“Gua kasi satu cadangan sama Pak Saidi. Lu angkat satu basikal, kemudian setiap bulan bayar ansur-ansur ikut kemampuan,” cadang Ah Chong.

“Aku bukan ada pendapatan tetap, Ah Chong. Aku takut nanti tak mampu nak bayar hutang.”

“Kita sudah lama kenal, sudah macam saudara. Dengan Pak Saidi gua percaya, tapi kalau dengan lain gua tak percaya,” bisiknya perlahan.

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 64)

Berdasarkan petikan di atas, watak Ah Chong telah menonjolkan semangat kekitaan apabila beliau mahu menolong Pak Saidi meskipun mereka berbeza agama dan kaum. Pak Saidi telah datang ke kedai Ah Chong kerana basikalnya telah rosak. Namun, basikalnya yang sudah cukup usang itu membuatkan Ah Chong berasa simpati kepadanya. Hal ini kerana beliau mengetahui bahawa Pak Saidi sangat menyayangi basikalnya itu disebabkan ia merupakan satu-satunya kenderaan yang beliau ada untuk bergerak. Perhubungan antara mereka yang cukup akrab jelas kelihatan apabila Ah Chong telah menganggap Pak Saidi ini seperti saudaranya

sendiri serta sangat mempercayai kejujuran beliau meskipun mereka berlainan kaum. Dalam pada itu, Ah Chong menawarkan kepada Pak Saidi untuk mengambil basikal baharu di kedainya dan mengizinkan beliau untuk membayar secara ansuran tanpa menetapkan harga bayaran.

Sehubungan dengan itu, pendekatan moral melalui teori pengkaedahan Melayu diterapkan oleh pengarang melalui perwatakan Ah Chong yang digambarkan sebagai seorang memiliki semangat kekitaan. Semangat kekitaan ini mampu melahirkan masyarakat yang saling hormati-menghormati, saling tolong-menolong sekaligus dapat memelihara keharmonian dan perpaduan di antara satu sama lain. Semangat kekitaan menerusi pendekatan moral ini mahu masyarakat pada masa kini hidup dalam keadaan yang aman dan damai tanpa sebarang prasangka meskipun hidup dalam satu kelompok yang berbeza. Dalam pada itu, semangat kekitaan yang dihuraikan dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* ini telah menjadi intipati moral yang akan mengukuhkan perpaduan antara satu sama lain meskipun berbeza bangsa mahupun agama.

Selain itu, terdapat petikan lain yang turut memaparkan prinsip mementingkan unsur didaktik menerusi semangat kekitaan seperti di bawah :

“Tajuk perbualan orang kampung tertumpu tentang kedatangan anggota-anggota British tengah hari tadi untuk mencari anak-anak muda Melayu yang berminat menyertai pasukan Askar Melayu yang baru ditubuhkan itu. Ternyata kempen itu mendapat sambutan hebat dalam

kalangan anak muda kampung. Satu sebab utama, mereka mahu mengubah corak kehidupan yang mereka jalani selama ini.”

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 108)

Petikan di atas menunjukkan semangat kekitaan yang ditonjolkan dalam kalangan anak muda di Kampung Sungai Ramal. Mereka telah menunjukkan semangat kekitaan apabila mereka memberikan sokongan padu kepada anggota tentera British yang mahu membuka peluang kepada anak muda untuk menyertai pasukan Askar Melayu. Tambahan pula, semangat kekitaan yang dipupuk dalam jiwa anak muda ini telah menimbulkan perasaan ingin bersatu hati dan saling bekerjasama dengan orang luar demi menabur bakti kepada negara serta menginginkan perubahan kepada kehidupan yang mereka lalui pada masa ini.

Dalam pada itu, menerusi teori Pengkaedahan Melayu bersesuaian dengan pendekatan moral jelas memaparkan pengarang menerapkan aspek moral pada watak anak muda di Kampung Sungai Ramal yang saling memberi kerjasama dengan menonjolkan semangat kekitaan untuk menyertai pasukan Askar Melayu. Oleh itu, melalui pendekatan moral ini, pengarang telah berjaya menekankan unsur patriotisme melalui semangat kekitaan ke dalam diri masyarakat terutama anak muda untuk saling memberikan komitmen dalam setiap perkara yang semestinya mendatangkan kebaikan sama ada untuk diri sendiri mahupun orang lain. Dengan ini, intipati moral inilah yang akan meningkatkan semangat kekitaan sebagai aspek membina anak muda untuk mahu mengubah kehidupan yang lebih baik.

Seterusnya, contoh petikan di bawah ini turut menunjukkan semangat kekitaan :

“Sebahagian kaum lelaki kampung itu pula tidak mahu berpindah kerana mereka mahu bersama-sama menentang musuh. Penghulu Deraman yang mengetuai penduduk kampung telah menyatakan hasratnya untuk bekerjasama dengan pasukan tentera bagi melindungi kampung mereka daripada diceroboh oleh tentera Jepun. Kampung-kampung lain juga ingin turut serta mengawal kampung masing-masing. Ternyata mereka sudah nekad.”

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 166)

Berdasarkan petikan di atas, semangat kekitaan dapat diperjelaskan menerusi watak penduduk kampung terutama kaum lelaki di Kampung Sungai Ramal. Pengarang menyifatkan watak bagi kaum lelaki ini memiliki semangat kekitaan yang tinggi dengan saling membantu antara satu sama lain demi melindungi kampung yang mereka diami tidak dirampas oleh tentera Jepun. Semangat kekitaan sebegini telah menjadi suatu aspek penting dalam hidup bermasyarakat kerana jika bukan kita yang mahu melindungi tempat yang kita membesar, siapa lagi yang dapat melindunginya.

Sehubungan dengan itu, menerusi teori Pengkaedahan Melayu bersesuaian dengan pendekatan moral jelas pengarang berjaya menerapkan aspek moral pada watak penduduk kampung terutama kaum lelaki di Kampung Sungai Ramal dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* yang memaparkan semangat kekitaan dengan saling bersatu hati demi kebaikan dan kepentingan bersama. Keselamatan bagi sesebuah kawasan telah menjadi aspek penting untuk memastikan kesejahteraan

masyarakat sekeliling terus terjamin. Aspek moral yang dinyatakan di atas adalah untuk mendidik masyarakat terutama masyarakat yang hidup dalam sesebuah kelompok untuk sentiasa bersatu dalam membuat sesuatu keputusan demi memperoleh sebuah kemenangan. Oleh itu, pengarang melalui teori pengkaedahan Melayu berjaya menyuntik unsur patriotisme melalui semangat kekitaan ke dalam jiwa pembaca mahupun masyarakat di sepanjang pembacaan novel *Leftenan Adnan Wira bangsa* ini. Inilah intipati moral yang akan memperkukuh semangat kekitaan sebagai aspek membina masyarakat untuk sentiasa berganding bahu demi memastikan keselamatan sesama insan dilindungi.

#### **4.3.4 Sikap Berjuang Menuntut Kemerdekaan**

Menurut kamus dewan edisi keempat (2017), berjuang didefinisikan sebagai ingin mencapai sesuatu manakala kemerdekaan pula adalah kebebasan. Kemerdekaan negara kita yang telah dikecapi pada masa kini sememangnya bukanlah sesuatu yang mudah tanpa usaha gigih para pejuang negara pada masa lalu. Kemerdekaan merupakan anugerah yang sangat tinggi nilainya kerana kemerdekaan yang diperolehi ini hasil daripada pengorbanan para pejuang terdahulu dengan sanggup bergadai nyawa demi menyelamatkan tanah air tercinta. Dalam pada itu, masyarakat pada masa kini mestilah menghargai dan melindungi negara kita kerana sesungguhnya mempertahankan adalah lebih sukar daripada mendapatkannya.

Oleh itu, terdapat petikan yang menunjukkan sikap berjuang menuntut kemerdekaan watak yang terkandung dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* seperti di bawah :

“Saya tak menyesal, tuan. Malah berasa bangga kerana kita mempunyai tanggungjawab bagi mempertahankan tanah air. Kita sanggup berkorban nyawa untuk tugas ini,” Jawab Sarjan Hasan. Leftenan Adnan berasa senang hati mendengarnya. Tidak sia-sia dia menanamkan semangat perjuangan kepada anggotanya selama ini. Walaupun berjauhan dengan keluarga namun tidak melunturkan semangat mereka untuk berjuang mempertahankan negara.”

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 176)

Berdasarkan petikan di atas, sikap berjuang menuntut kemerdekaan dilihat pada watak Sarjan Hasan apabila beliau berasa bangga apabila diberi tanggungjawab dalam melindungi negaranya serta beliau tidak merasa sedikit pun erti penyesalan apabila beliau menceburi bidang ketenteraan. Meskipun beliau terpaksa hidup berjauhan dengan keluarga, namun ianya bukanlah menjadi satu asbab untuk beliau tidak mahu berjuang untuk negara. Hal ini jelas menunjukkan bahawa sikap berjuang menuntut kemerdekaan ini mampu membuatkan seseorang itu meletakkan kedudukan keselamatan negara lebih tinggi dari dirinya sendiri, maka mereka akan sanggup melakukan apa sahaja meskipun nyawa dipertaruhkan.

Lantaran itu, unsur patriotisme melalui sikap berjuang menuntut kemerdekaan dengan tidak mengenal erti penyesalan demi meneruskan tanggungjawab yang digalas ini sejajar dengan Pendekatan Moral dalam Teori Pengkaedahan Melayu yang mana ia adalah suatu sikap yang mampu membina perasaan ingin berjuang dalam kehidupan. Jelaslah bahawa sekiranya sikap ingin berjuang menuntut kemerdekaan ini diamalkan dalam kehidupan, maka semestinya akan lahir insan-insan yang memiliki sahsiah

terpuji dan tidak mudah kenal erti penyesalan dalam setiap keputusan yang dibuat. Setiap manusia sewajarnya menanamkan sikap berjuang menuntut kemerdekaan untuk negara kerana setiap perjuangan yang dibuat memaparkan bahawa negara yang terhindar daripada ancaman luar adalah bermula dengan rakyatnya yang tidak kenal erti gentar dalam melindungi negaranya.

Selain itu, terdapat petikan lain yang menunjukkan sikap menuntut kemerdekaan seperti di bawah :

“Sebenarnya, askar Nepal dan India juga tidak bersemangat untuk mempertahankan negeri ini. Mereka juga lebih sayang akan tanah air mereka tetapi kita tidak ada pilihan. Kita tidak akan ke tempat lain lagi untuk melarikan diri. Oleh itu, kita mesti mempertahankan negeri ini hingga ke titisan darah yang terakhir,” kata Leftenan Adnan pula.

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 179)

Petikan di atas menunjukkan sikap berjuang menuntut kemerdekaan pada watak Leftenan Adnan apabila beliau tidak mahu melarikan diri ke tempat lain demi memperjuangkan tanah airnya meskipun beliau mengetahui bahawa harapannya untuk menang daripada pihak musuh amatlah tipis. Sikap mahu berjuang untuk memperoleh kemerdekaan ini telah membuatkan Leftenan Adnan akan terus bertahan dan bergerak ke hadapan sehingga titisan darah yang terakhir. Dalam pada itu, sikap berjuang menuntut kemerdekaan ini jelas menunjukkan bahawa apabila kita berada dalam situasi yang getir, kita akan dibelenggu dengan dua pilihan sama ada mahu meneruskan atau menyerah begitu sahaja.

Unsur patriotisme melalui sikap berjuang menuntut kemerdekaan dengan mahu terus kekal berjuang untuk negara di atas ini boleh dikaitkan dengan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) menerusi Pendekatan Moral. Hal ini dikatakan demikian kerana sikap berjuang menuntut kemerdekaan memperlihatkan setiap tindakan serta keputusan yang diputuskan ini dapat memberi manfaat, pulangan atau ganjaran pada diri sendiri mahupun orang lain.

Tambahan pula, terdapat petikan lain yang turut menunjukkan sikap menuntut kemerdekaan seperti di bawah :

“ Pertahanan di Bukit Candu semakin meruncing kerana askar Melayu terus diasak. Namun, pertempuran masih lagi berlanjutan kerana askar Melayu masih terus berjuang. Walaupun menyedari mereka hampir kalah, tetapi mereka rela mati daripada menyerah diri. Leftenan Adnan bersama-sama anggotanya masih menentang tentera Jepun yang semakin ganas membuat serangan.”

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 323)

Menerusi petikan di atas, sikap berjuang menuntut kemerdekaan dilihat melalui watak Leftenan Adnan dan anggota tenteranya yang saling berganding bahu dalam mempertahankan Bukit Candu daripada tentera Jepun yang semakin mengganas menyerang kawasan tersebut. Askar Melayu telah menunjukkan sikap saling bekerjasama sewaktu pertempuran berlaku meskipun jumlah anggota mereka semakin berkurangan namun perkara tersebut bukan menjadi penghalang untuk mereka terus melangkah melawan musuh. Sikap berjuang menuntut kemerdekaan ini telah menunjukkan bahawa masyarakat perlulah saling bekerjasama dalam melakukan segala perkara demi kebaikan bersama.



Oleh itu, pendekatan moral menerusi teori pengkaedahan Melayu diterapkan oleh pengarang melalui perwatakan Leftenan Adnan dan anggota tenteranya yang digambarkan memiliki sikap berjuang menuntut kemerdekaan yang sangat tinggi. sikap berjuang menuntut kemerdekaan ini sememangnya mampu membuka mata masyarakat untuk saling bantu-membantu dan bekerjasama dalam berjuang untuk negara demi memastikan negara akan kekal aman dan damai tanpa sebarang rusuhan mahupun ancaman daripada luar. Dalam pada itu, sikap berjuang menuntut kemerdekaan yang dihuraikan dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* ini telah menjadi intipati moral yang akan mengukuhkan semangat patriotisme yang tinggi terhadap negara bangsa.

#### **4.4 Kepentingan unsur patriotisme dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa kepada masyarakat**

Unsur patriotisme menerusi sikap rela berkorban, semangat cinta kepada negara, semangat kekitaan dan berjuang menuntut kemerdekaan yang terkandung dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* merupakan satu kepentingan yang mampu memberikan impak positif kepada masyarakat. Menurut David Archard (1999), patriotisme adalah suatu perasaan kecintaan yang tinggi kepada tanah air iaitu seseorang individu yang rela berkorban untuk negaranya yang tercinta. Dalam pada itu, seseorang yang berjiwa patriotik pasti akan menyematkan perasaan cinta dan sayang kepada negara demi mencapai aspirasi serta matlamat negara. Oleh itu, peningkatan penerapan unsur patriotisme ini dalam diri setiap masyarakat di Malaysia adalah kerana secara tidak langsung ia mampu membina sebuah negara yang harmoni disebabkan oleh hubungan kemasyarakatan yang teguh. Kesimpulannya, kepentingan yang terkandung dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* ini mampu menjadi medium perantaraan yang memberi kesedaran sekali gus pengajaran kepada masyarakat apabila mereka menghayati serta mendalami setiap penceritaan yang pengarang cuba sampaikan.

##### **4.4.1 Melahirkan Masyarakat Yang Berbakti**

Menurut Rahmadeni (2012), sikap rela berkorban merupakan suatu perlakuan yang ingin menolong orang lain tanpa berharap sebarang balasan meskipun ia akan memberikan penderitaan mahupun kerugian pada dirinya sendiri. Selain itu, menurut kamus dewan edisi keempat (2017) pula, berbakti adalah perlakuan atau perbuatan yang baik untuk menunjukkan kesetiaan, kasih sayang, hormat dan selainnya yang

berhubung kait dengan segala kebaikan yang terkandung di dalamnya. Oleh itu, novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ini memainkan peranan dalam memaparkan unsur patriotisme iaitu sikap rela berkorban yang mampu memberikan kesan positif kepada pembaca mahupun masyarakat dalam melahirkan masyarakat yang mahu berbakti kepada negara. Terdapat beberapa petikan yang menjadi kepentingan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat melalui sikap rela berkorban seperti di bawah :

“Tugasnya itu sedikit pun tidak membebankan walaupun terpaksa berpisah dengan isteri dan anak-anak kerana bidang itu menjadi pilihannya sendiri.”

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 151)

Berdasarkan petikan di atas, jelas memaparkan kepentingan sikap rela berkorban menerusi watak Leftenan Adnan yang telah ditonjolkan oleh pengarang ketika menggarap watak tersebut dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa. Hal ini demikian kerana Leftenan Adnan dianggap sebagai seseorang yang sanggup mengorbankan masa dan hayatnya yang sepatutnya bersama keluarga namun demi tugas yang digalas sebagai seorang pejuang negara sanggup cekalkan hati untuk berjauhan dengan isteri dan anak-anaknya.

Kepentingan sikap rela berkorban pada watak Leftenan Adnan yang mengutamakan tugasnya ini telah memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa apabila kita menanamkan sikap rela berkorban dalam jiwa, maka kita akan meletakkan keutamaan negara terlebih dahulu serta berusaha untuk menabur bakti kepada negara meskipun harus meninggalkan insan yang kita sayangi.

Tambahan pula, terdapat petikan lain yang boleh menjadi kepentingan kepada masyarakat melalui sikap rela berkorban seperti di bawah :

“Sudah kedengaran ura-ura Jepun mahu menyerang Singapura. Mereka mahu menjajah Tanah Melayu. Keselamatan Sophia dan anak-anak tidak terjamin kalau terus berada di sini. Jadi, abang terpaksa hantar Sophia dan anak-anak pulang ke kampung. Di sana lebih selamat. Mak dan ayah boleh tengok-tengokkan Sophia dan anak-anak.

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 158)

Berdasarkan petikan di atas, sikap rela berkorban yang pengarang terapkan dalam watak Leftenan Adnan mampu memberi kesedaran kepada masyarakat kerana pengarang telah menggarap watak Leftenan Adnan ini sebagai seorang yang rela berkorban mengutamakan ahli keluarganya daripada dirinya sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau rela menghantar isteri dan anak-anaknya untuk pulang ke kampung kerana beliau amat membimbangi akan keselamatan mereka setelah beliau mendapat khabar bahawa Jepun akan menyerang Singapura sementara beliau pula akan tetap berada di Singapura dan tidak mengikuti ahli keluarganya. Jelaslah beliau tidak mahu ahli keluarganya terlibat sama sekali dalam peperangan yang bakal berlaku.

Rentetan daripada itu, sikap rela berkorban menerusi watak Leftenan Adnan ini telah membuka mata masyarakat akan kebaikannya yang mencurahkan bakti kepada keluarga tercinta.

Seterusnya, petikan di bawah ini juga turut memaparkan kepentingan sikap rela berkorban yang boleh mengubah persepsi masyarakat untuk melakukan hal-hal yang baik :

"Salah tu, Salleh. Perjuangan memerlukan pengorbanan. Pengorbanan pula melambangkan maruah diri. Tanpa pengorbanan kita akan hilang segala. Perjuangan dan pengorbanan perlu ada dalam jiwa kita untuk mempertahankan tanah air tercinta ini daripada dijajah dan dikuasai bangsa asing. Aku rela mati daripada tunduk kepada musuh!" katanya tegas.

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 104)

Paparan petikan di atas menunjukkan sikap rela berkorban yang dapat dilihat menerusi watak Leftenan Adnan yang boleh mempengaruhi cara pemikiran sekaligus mengubah persepsi masyarakat kerana pengarang telah menonjolkan Leftenan Adnan ini sebagai seorang yang rela berkorban nyawa demi negara. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau menunjukkan sikap mahu memperjuangkan tanah air yang tercinta ini dengan rela berkorban nyawa daripada terus menyerah kalah kepada pihak musuh.

Penanaman sifat berjuang dan berkorban ini jelas perlu diketengahkan oleh masyarakat supaya masyarakat dapat berbakti kepada negara dengan melakukan sesuatu yang di luar jangkaan demi melindungi negara yang didiami ini kekal selamat daripada ancaman luar. Oleh itu, jelaslah bahawa pentingnya sikap rela berkorban yang dipaparkan oleh watak Leftenan Adnan ini kepada masyarakat untuk terus berbakti kepada negara.

#### 4.4.2 Membentuk Warganegara Yang Cinta Kepada Negara

Menurut kamus dewan (2016), kata ‘cinta’ merupakan perasaan sayang kepada negara, orang tua serta kebebasan manakala negara pula adalah sesuatu kawasan yang diduduki oleh masyarakat serta diperintah oleh sebuah kerajaan dan kawasan di bawah kekuasaan kerajaan tertentu (Kamus dewan, 2016). Menurut Rahamad (2014), semangat cinta kepada negara adalah tindakan seseorang yang rela berkorban demi negara serta mahu membela negaranya daripada sebarang gangguan serta ancaman luar. Hal ini jelas dapat dilihat apabila para pejuang negara terdahulu telah membuktikan kecintaan mereka terhadap negaranya apabila mereka berani mengorbankan nyawanya sendiri demi membela tanah air Malaysia. Oleh itu, novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ini memainkan peranan dalam memaparkan unsur patriotisme iaitu semangat cinta kepada negara sekali gus membuka jalan kepada pembaca mahupun masyarakat dalam pembentukan jati diri yang cinta kepada negaranya.

Rentetan itu, terdapat beberapa petikan yang dapat mempengaruhi masyarakat melalui semangat cinta kepada negara seperti di bawah :

“Mengapa kamu berminta menjadi seorang askar? Kamu tidak takut berhadapan dengan bahaya?” soal guru Inggeris itu. “Tidak, sir! Askar merupakan satu pekerjaan paling mulia. Dengan menjadi seorang pejuang, saya dapat menjaga keselamatan orang ramai dan dapat memelihara serta menjaga keamanan negara daripada serangan musuh,” jawabnya tegas.

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 68)

Berdasarkan petikan di atas, kepentingan semangat cinta kepada negara dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ini memberi kesan kepada masyarakat menerusi watak Adnan yang digambarkan sebagai seorang anak muda yang memiliki semangat cinta kepada negara yang tinggi dengan bercita-cita untuk menjadi askar apabila beliau dewasa kelak. Semangat cinta kepada negara oleh Adnan ini jelas dilihat apabila beliau berhasrat ingin menjaga keselamatan orang ramai sekaligus mahu melindungi keamanan negara daripada serangan musuh. Pemikiran beliau yang matang ini wajar menjadi ekoran kepada masyarakat terutama generasi muda untuk menanamkan semangat cinta kepada negara supaya kita dapat membentuk warganegara yang cinta kepada negara.

Selain itu, terdapat petikan lain yang menunjukkan semangat cinta kepada negara yang mampu menjadi jejak kepada masyarakat seperti di bawah :

“Ajah maut ketentuan Tuhan. Dia boleh menarik bila-bila masa nyawa kita tidak kira kita berada di mana-mana sekalipun. Jadi, sepatutnya kita berbangga jika dipilih terkorban di jalan yang benar. Sudah menjadi tanggungjawab kita mempertahankan tanah air. Tanggungjawab kita bukan sahaja kepada keluarga malah tetapi lebih daripada itu. Besar tanggungjawab yang kita pikul. Andai kita mati bertempur di medan perang, mati syahid kita, Nordin. Kata-kata perangsang Adnan menyuntik semangat baharu ke dalam diri Mamat dan juga Nordin.”

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 162)

Kepentingan semangat cinta kepada negara berdasarkan petikan di atas, pengarang telah menggarap watak Adnan ini sebagai seorang yang memiliki semangat cinta kepada negara sehingga beliau berasa bangga sekiranya ditakdirkan beliau terkorban semasa mempertahankan negaranya. Tambahan pula, pengarang turut memaparkan Adnan sebagai seorang warganegara yang memiliki sikap bertanggungjawab dalam melindungi tanah airnya. Menurut Hashim Musa (2008), sikap bertanggungjawab adalah seseorang yang memiliki kesanggupan dalam melaksanakan serta memikul sesuatu tugas dengan bersungguh-sungguh dan sistematik demi memastikan ia dapat dibuat dengan sempurna.

Oleh hal yang demikian, apabila semangat cinta kepada negara ini digilap dalam diri setiap masyarakat sememangnya mampu membentuk warganegara yang memiliki perasaan cinta yang mendalam terhadap negara sehingga hilang rasa gentar dan takut ketika memperjuangkan tanah air. Dengan itu, jelaslah bahawa semangat cinta kepada negara yang dipaparkan dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ini dapat memberi kebaikan kepada masyarakat.

#### **4.4.3 Membangkitkan Semangat Perpaduan Antara Masyarakat**

Menurut Alatas (2014), semangat kekitaan merupakan suatu yang berlaku secara semula jadi iaitu semangat kekitaan ini dapat mendatangkan timbulnya perasaan sayang antara sesama masyarakat. Perasaan ini juga mampu mendorong mereka untuk bersikap saling bersatu hati, saling tolong-menolong serta saling mengambil berat antara satu sama lain demi meringankan kepayahan serta kesusahan yang mereka alami. Tambahan pula, semangat kekitaan ini juga dapat mengiring masyarakat untuk saling berkongsi susah dan senang antara satu sama lain. Rentetan



daripada itu, hal ini sememangnya telah membawa kepada timbulnya keberanian sehinggakan rela berjuang serta berkorban demi orang di sekelilingnya mahupun negara.

Oleh itu, novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ini telah menjadi salah satu medium dalam memaparkan unsur patriotisme menerusi semangat kekitaan yang dapat memberi kepentingan kepada pembaca mahupun masyarakat dalam membangkitkan semangat perpaduan antara satu sama lain. Terdapat beberapa petikan yang boleh menjadi kepentingan kepada masyarakat melalui semangat kekitaan seperti di bawah :

“Gua kasi satu cadangan sama Pak Saidi. Lu angkat satu basikal, kemudian setiap bulan bayar ansur-ansur ikut kemampuan,” cadang Ah Chong.

“Aku bukan ada pendapatan tetap, Ah Chong. Aku takut nanti tak mampu nak bayar hutang.”

“Kita sudah lama kenal, sudah macam saudara. Dengan Pak Saidi gua percaya, tapi kalau dengan lain gua tak percaya,” bisiknya perlahan.

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 64)

Kepentingan semangat kekitaan berdasarkan petikan di atas, pengarang telah paparkan menerusi watak Ah Chong, seorang lelaki berbangsa cina dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa. Hal ini dikatakan demikian kerana semangat kekitaan beliau dalam novel ini terpancar apabila beliau bersikap bertimbang rasa

dengan Pak Saidi dengan menawarkan bantuan meskipun Pak Saidi berbeza bangsa dan agama dengan Ah Chong. Sikap bertimbang rasa adalah sikap manusia yang mempunyai perasaan kasihan dan simpati kepada penderitaan serta kepayahan orang lain (Mustafa Daud, 1995; Norita Arifin 2006; Hashim Musa, 2008; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Rentetan itu, semangat kekitaan Ah Chong semakin jelas terlihat apabila beliau menawarkan bayaran basikal yang dijual secara ansuran kepada Pak Saidi untuk mengurangkan beban beliau. Ah Chong sememangnya telah menganggap Pak Saidi ini sebagai saudaranya sendiri sehinggakan beliau meletakkan kepercayaan yang tinggi terhadapnya.

Oleh itu, jelaslah bahawa semangat kekitaan menerusi watak Ah Chong ini mampu menyentuh hati serta kepentingan kepada masyarakat yang berbilang kaum untuk saling bertimbang rasa sekaligus ia dapat membangkitkan semangat perpaduan antara satu sama lain.

Seterusnya, terdapat petikan lain yang menjadi kepentingan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat melalui semangat kekitaan seperti di bawah :

“Tajuk perbualan orang kampung tertumpu tentang kedatangan anggota-anggota British tengah hari tadi untuk mencari anak-anak muda Melayu yang berminat menyertai pasukan Askar Melayu yang baru ditubuhkan itu. Ternyata kempen itu mendapat sambutan hebat dalam kalangan anak muda kampung. Satu sebab utama, mereka mahu mengubah corak kehidupan yang mereka jalani selama ini.”

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 108)

Petikan di atas adalah petikan yang dapat menyedarkan masyarakat akan kepentingan semangat kekitaan yang ditonjolkan oleh anak-anak muda di Kampung Sungai Ramal. Semangat kekitaan ini dilihat apabila mereka bersepakat untuk turut serta dalam pasukan Askar Melayu yang ditubuhkan oleh anggota British. Perkara ini berlaku disebabkan anak muda pada masa itu juga menginginkan perubahan demi kesenangan pada masa akan datang. Hal ini jelas menunjukkan bahawa semangat kekitaan yang dipupuk dalam kalangan anak muda dapat memberikan kepentingan kepada masyarakat untuk mengekalkan semangat perpaduan sesama mereka.

Terdapat petikan lain yang menunjukkan semangat kekitaan yang mampu memberi kepentingan kepada masyarakat iaitu :

“Sebahagian kaum lelaki kampung itu pula tidak mahu berpindah kerana mereka mahu bersama-sama menentang musuh. Penghulu Deraman yang mengetuai penduduk kampung telah menyatakan hasratnya untuk bekerjasama dengan pasukan tentera bagi melindungi kampung mereka daripada diceroboh oleh tentera Jepun. Kampung-kampung lain juga ingin turut serta mengawal kampung masing-masing. Ternyata mereka sudah nekad.”

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 166)

Kepentingan semangat kekitaan berdasarkan petikan di atas, pengarang telah terapkan dalam watak kaum lelaki di Kampung Sungai Ramal sebagai sebuah kelompok masyarakat yang saling bekerjasama untuk menjaga serta melindungi kampung mereka bersama-sama dengan pasukan tentera Melayu yang turut berada di

sana. Sikap bekerjasama dalam kalangan masyarakat sememangnya amat dituntut kerana sikap sebegini dapat menimbulkan satu suasana yang harmoni dalam kehidupan. Menurut Robert L. Clitrap (2008), bekerjasama didefinisikan sebagai satu perlakuan yang dibuat secara berkelompok bagi menyelesaikan sesuatu tugas secara bersama-sama. Menerusi kerjasama ini, kebiasaannya akan berlakunya interaksi di antara kelompok masyarakat dengan memiliki tujuan yang sama bagi mencapai hal yang diinginkan.

Oleh hal yang demikian, apabila semangat kekitaan menerusi sikap bekerjasama ini disemai dalam diri setiap masyarakat sememangnya mampu menyedarkan masyarakat dalam membangkitkan semangat perpaduan dalam satu bangsa atau agama yang sama. Semangat perpaduan ini bukan sahaja terjadi di antara masyarakat yang berlainan bangsa atau agama sahaja malah ia boleh berlaku juga dalam satu kelompok yang sama.

#### **4.4.4 Meningkatkan Semangat Kebangsaan Dalam Diri Masyarakat**

Berjuang merupakan satu perkataan yang cukup tinggi nilainya kerana berjuang merupakan satu usaha yang sangat berani serta sanggup berkorban demi mencapai suatu objektif mahupun matlamat utama yang diinginkan. Manakala semangat kebangsaan pula adalah perasaan taat setia serta kecintaan yang mendalam kepada tanah air dan bangsa. Semangat kekitaan ini sememangnya akan mendorong masyarakat untuk terus berjuang dalam membentuk negara bangsa yang lebih baik sekaligus mahu menebus maruah bangsa.

Oleh itu, sikap berjuang menuntut kemerdekaan dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ini dapat memberi kepentingan kepada pembaca mahupun masyarakat dalam meningkatkan semangat kebangsaan dalam diri setiap masyarakat menerusi petikan-petikan di bawah :

“Saya tak menyesal, tuan. Malah berasa bangga kerana kita mempunyai tanggungjawab bagi mempertahankan tanah air. Kita sanggup berkorban nyawa untuk tugas ini,” Jawab Sarjan Hasan. Leftenan Adnan berasa senang hati mendengarnya. Tidak sia-sia dia menanamkan semangat perjuangan kepada anggotanya selama ini. Walaupun berjauhan dengan keluarga namun tidak melunturkan semangat mereka untuk berjuang mempertahankan negara.”

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 176)

Petikan di atas menunjukkan kepentingan sikap berjuang menuntut kemerdekaan kepada masyarakat menerusi watak Sarjan Hasan dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa. Hal ini dikatakan demikian kerana Sarjan Hasan memiliki sifat berjuang yang tinggi untuk mempertahankan tanah air serta beliau turut rela berkorban nyawa demi tugas yang digalas olehnya. Semangat berjuang menuntut kemerdekaan yang dipaparkan dalam diri Sarjan Hasan ini jelas menyatakan kepada masyarakat bahawa apabila kita menginginkan sebuah kemenangan, kita sewajarnya menanamkan sikap berani dalam setiap hal yang hendak atau bakal dilakukan demi memastikan keinginan tersebut dapat dicapai.

Oleh hal yang demikian, sikap berjuang menuntut kemerdekaan ini sememangnya amat penting untuk ditanamkan dalam diri setiap masyarakat kerana masyarakat dapat meningkatkan semangat kebangsaan dalam diri mereka sehingga sanggup kehilangan nyawa demi negara tercinta terus berada dalam keadaan yang aman meskipun perlu meninggalkan insan yang tersayang.

Selain itu, terdapat petikan lain yang menunjukkan sikap berjuang menuntut kemerdekaan yang mampu memberi kepentingan kepada masyarakat :

“Sebenarnya, askar Nepal dan India juga tidak bersemangat untuk mempertahankan negeri ini. Mereka juga lebih sayang akan tanah air mereka tetapi kita tidak ada pilihan. Kita tidak akan ke tempat lain lagi untuk melarikan diri. Oleh itu, kita mesti mempertahankan negeri ini hingga ke titisan darah yang terakhir,” kata Leftenan Adnan pula.

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 179)

Berdasarkan petikan di atas menunjukkan kepentingan sikap berjuang menuntut kemerdekaan kepada masyarakat melalui watak Leftenan Adnan yang berkeras untuk tidak meninggalkan tempat pertempuran yang beliau sedang duduki itu demi mempertahankan negerinya. Sikap Leftenan Adnan yang begitu mahu berjuang habis-habisan ini telah memaparkan bahawa pentingnya masyarakat untuk meningkatkan semangat kebangsaan dalam diri mereka. Ini kerana semangat kebangsaan ini timbul apabila kita sebagai rakyat mahu membebaskan negara daripada dibolot atau diancam oleh musuh sekaligus mahu membentuk negara yang merdeka serta berdaulat.

Tambahan pula, petikan di bawah ini turut memaparkan kepentingan sikap berjuang menuntut kemerdekaan kepada masyarakat :

“ Pertahanan di Bukit Candu semakin meruncing kerana askar Melayu terus diasak. Namun, pertempuran masih lagi berlanjutan kerana askar Melayu masih terus berjuang. Walaupun menyedari mereka hampir kalah, tetapi mereka rela mati daripada menyerah diri. Leftenan Adnan bersama-sama anggotanya masih menentang tentera Jepun yang semakin ganas membuat serangan.”

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, hlm 323)

Petikan di atas memaparkan kepentingan sikap berjuang menuntut kemerdekaan melalui watak Leftenan Adnan dalam kalangan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana pengarang telah memaparkan watak Leftenan Adnan dan anggotanya sebagai pejuang yang memiliki semangat kebangsaan yang tinggi apabila mereka terus berjuang untuk memberikan kemenangan kepada tanah airnya. Meskipun mereka dapat menjangka bahawa mereka bakal kalah, namun ia bukanlah satu penghalang untuk mereka berhenti begitu sahaja.

Oleh hal yang demikian, apabila sikap berjuang menuntut kemerdekaan ini dihayati oleh setiap masyarakat menerusi novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ini sememangnya mampu menyedarkan betapa pentingnya sikap berjuang menuntut kemerdekaan ini dalam meningkatkan semangat kebangsaan dalam diri masyarakat.

#### 4.4 Rumusan

Konklusinya, novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Bin Talib ini telah membuktikan bahawa unsur patriotisme yang terkandung di dalamnya dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang pentingnya memupuk semangat patriotisme dalam diri setiap insan bagi melahirkan serta membentuk masyarakat yang bermoral. Tambahan pula, novel ini juga turut memberikan kepentingan kepada masyarakat menerusi unsur patriotisme yang terkandung di dalamnya seperti sikap rela berkorban, semangat cinta kepada negara, semangat kekitaan dan berjuang menuntut kemerdekaan. Unsur patriotisme yang dipaparkan, ditonjolkan serta diperlihatkan dalam novel ini dapat dianalisis dengan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral yang mampu memberikan keberkesanan terhadap pembentukan masyarakat yang berjiwa patriotik. Unsur patriotisme yang terdapat dalam novel ini bukan sahaja untuk memperlihatkan tentang kehebatan para pejuang terdahulu, namun ia sedikit sebanyak dapat memberikan pengajaran serta panduan kepada kita untuk terus berbakti dengan menjaga keamanan dan keharmonian negara yang telah kita rasai pada masa kini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



## Bab 5

### Perbincangan, Cadangan, Implikasi dan Rumusan

#### 5.1 Pengenalan

Bab 5 adalah bahagian yang akan memberikan keterangan lengkap tentang kajian yang dilaksanakan di samping membuat kesimpulan tentang hasil kajian sama ada kajian ini memenuhi objektif kajian yang telah dibuat pada awal bab dan secara tidak langsung akan menjawab persoalan yang terdapat dalam kajian yang mengkaji unsur-unsur patriotisme. Tambahan pula, pada bahagian ini juga pengkaji akan mencadangkan beberapa saranan serta cadangan yang bersesuaian sekaligus boleh digunakan dalam penyelidikan pada masa akan datang sekiranya novel Leftenan Adnna Wira Bangsa yang dihasilkan oleh Abdul Latip Bin Talib pada tahun 2014 ini dijadikan dasar penyelidikan mengenai unsur patriotisme. Hal ini dikatakan demikian kerana projek penyelidikan yang dilaksanakan oleh pengkaji pada masa ini dapat membantu serta menyumbang sedikit sebanyak bagi menjawab persoalan serta objektif kajian pada masa akan datang sekiranya ia bersesuaian dengan kajian yang pengkaji laksanakan. Oleh itu, dalam konteks mengangkat unsur patriotisme ini, perbincangan yang disusuli dengan cadangan-cadangan yang relevan turut dilengkapkan dalam bahagian ini supaya ianya jelas dan tidak bercanggah dengan matlamat utama penyelidikan yang dihasilkan oleh pengkaji.

## 5.2 Perbincangan

Berdasarkan perbincangan yang telah dilaksanakan menerusi kaedah mengkaji, menganalisis serta menghurai maklumat, maka pada bahagian perbincangan ini adalah untuk merumuskan hasil dapatan kajian. Segala perbincangan dalam bab ini adalah berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap objektif kajian dengan lebih terperinci dalam bab empat sebelum ini yang telah menjadi garis panduan dan ketetapan untuk ditepati.

Dengan berpandukan analisis yang dilakukan terhadap objektif kajian yang pertama iaitu mengenal pasti unsur patriotisme yang terkandung dalam Novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*, pengkaji telah memperoleh maklumat dengan menggunakan kaedah kepustakaan iaitu dengan meneliti sumber-sumber daripada bahan bercetak antaranya ialah buku-buku rujukan, tesis dan jurnal. Selain itu, pengkaji turut menggunakan kaedah carian web menerusi laman web yang sah seperti *google scholar*, *Academia*, *Scribd* dan *thesis online*. Tambahan pula, kaedah analisis tekstual juga turut digunakan dengan menganalisis teks dalam novel *Leftenan Adnan Wira bangsa*. Kaedah-kaedah ini telah digunapakai dalam kajian untuk memperoleh seberapa banyak maklumat mengenai unsur-unsur patriotisme menerusi peristiwa mahupun watak yang terdapat dalam novel tersebut. Dengan berbuat demikian secara tidak langsung dapat membuktikan bahawa unsur patriotisme yang dipaparkan menerusi penceritaan dalam novel *Leftenan Adnan Wira bangsa* dapat memberikan kepentingan kepada masyarakat mahupun individu dalam membentuk insan yang berjiwa patriotik.

Novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* yang dihasilkan oleh Abdul Latib bin Talib pada tahun 2014 ini memiliki kepadatan peristiwa-peristiwa yang menonjolkan unsur patriotisme. Antara unsur-unsur patriotisme yang ditemui dalam novel ini adalah rela berkorban untuk negara, semangat cita kepada negara, semangat kekitaan dan berjuang menuntut kemerdekaan. Keseluruhan unsur patriotisme yang telah dikenalpasti ini mempunyai fungsi, kepentingan malahan kelebihan tersendiri yang dipaparkan untuk dijadikan tatapan bahkan untuk dibaca kemudian dihayati, diamati, difahami lalu memupuk, menyemai, dan akhirnya meningkatkan semangat patriotik yang memberi kebaikan dalam kehidupan seharian.

Rentetan itu, merujuk pula kepada dapatan kajian yang dianalisis berdasarkan kepada objektif kajian yang kedua iaitu menganalisis unsur patriotisme dalam Novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* berdasarkan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaji hanya memfokuskan dengan menggunakan hanya satu pendekatan sahaja iaitu Pendekatan Moral. Pendekatan Moral yang digunakan dalam bahagian dapatan kajian ini bersesuaian untuk digunakan dalam menganalisis unsur patriotisme dengan lebih terperinci.

Seterusnya, merujuk pula kepada dapatan kajian yang dianalisis berdasarkan kepada objektif kajian yang ketiga iaitu menganalisis kepentingan patriotisme dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* kepada masyarakat. Umum kita ketahui bahawa masyarakat kini sebenarnya kurang penerapan dengan semangat patriotik dalam diri mereka. Ini kerana mereka sebenarnya kurang diberikan pendedahan atau fahaman akan perjuangan serta pengorbanan para pejuang negara terdahulu yang bersusah payah mahu menuntut kemerdekaan negara Malaysia. Masyarakat pada masa kini

sememangnya tidak merasai perit kesusahan kehidupan semasa zaman penjajahan dahulu. Keamanan yang kita kecapai pada hari ini sebenarnya adalah sumbangan daripada tentera- tentera pejuang terdahulu. Dalam pada itu, novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* ini telah memainkan peranan dengan menjadi salah satu platform atau medium untuk mendedahkan kepada masyarakat tentang makna patriotisme yang sebenar memandangkan kisah yang diceritakan dalam novel ini merupakan kisah sejarah yang sebenar. Rentetan itu, novel ini bukan sahaja hanya memperlihatkan sejarah semata-mata namun menerapkan unsur patriotisme yang terkandung di dalamnya turut memberi kepentingan kepada masyarakat. Setelah pengkaji menganalisis dan menghurai satu persatu unsur patriotisme yang telah dikepilkan ini menjadi kesedaran kepada masyarakat akan kepentingan patriotisme dalam kehidupan bermasyarakat tanpa mengira bangsa, agama, pangkat dan sebagainya.

Kesimpulannya, unsur patriotisme dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* ini mampu memberi kesan serta kepentingan yang mendalam terhadap masyarakat dan negara. Dengan penerapan unsur patriotisme dalam diri setiap masyarakat dalam kehidupan mereka sememangnya dapat meningkatkan semangat patriotik yang tinggi. Sebagai contoh di negara Malaysia, sambutan Hari kemerdekaan pada setiap 31 Ogos akan disambut dengan penuh gilang-gemilang. Masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa turut akan meraikan sambutan tersebut demi menunjukkan rasa sayang serta cinta kita kepada negara Malaysia. Rentetan ini, jelaslah bahawa dengan menerapkan unsur patriotisme dalam kehidupan akan memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya menghargai pengorbanan para pejuang tanah air terdahulu yang berjuang berhabisan demi memberikan keamanan yang kita rasai pada masa kini.

### 5.3 Cadangan

Setelah memperoleh maklumat, menganalisis, dan juga merumuskan, pengkaji mahu mengemukakan beberapa cadangan berkaitan kajian unsur patriotisme dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa : Satu pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu*. Oleh itu, berdasarkan kepada dapatan kajian daripada bab sebelum-sebelumnya, pengkaji memperoleh kekuatan untuk mengusulkan beberapa cadangan yang bertepatan lagi bersesuaian berdasarkan tajuk kajian yang dikaji oleh pengkaji yang dirasakan mampu untuk mempengaruhi fikiran masyarakat kini untuk meningkatkan rasa semangat patriotisme. Berikut merupakan antara cadangan yang difikirkan bersesuaian oleh pengkaji.

Antara cadangan yang pengkaji cadangkan adalah para pengkaji lanjutan mempelbagaikan lagi kajian yang berkaitan dengan unsur patriotisme menerusi novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* mahupun novel lain yang ada menerapkan unsur patriotisme secara khusus yang terdapat ni negara Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini hanya terbatas kepada unsur patriotisme yang terkandung dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* dengan mengaplikasikan Pendekatan Moral sahaja tanpa dibuat perbandingan dengan novel-novel patriotisme yang lain yang mungkin mempunyai hasil penulisan yang berbeza dengan novel ini. Tambahan pula, kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini juga tidak menyeluruh dan tidak melibatkan kajian dari aspek-apek lain.

Tambahan pula, pengkaji turut mencadangkan agar lebih banyak para penulis menghasilkan karya-karya sama ada dari genre novel, syair, sajak, puisi dan sebagainya yang memaparkan unsur patriotisme secara khusus dalam penghasilan

karya yang dibuat oleh mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan adanya karya-karya yang adanya unsur patriotisme ini, maka kajian yang akan dibuat pada masa akan datang juga mungkin akan lebih banyak dan mampu menjadi rujukan kepada masyarakat.

Dalam pada itu, pengkaji turut mencadangkan agar kajian-kajian yang berunsur patriotisme dengan mengaplikasikan Teori pengkaedahan Melayu melalui Pendekatan Moral ini dapat diperluaskan lagi. Pendekatan moral sememangnya sebuah pendekatan yang sangat bersesuaian untuk diterapkan dalam kajian yang ada unsur patriotisme kerana melalui Pendekatan Moral ini dapat memberi pendedahan yang luas serta dapat membentuk akhlak yang baik kepada masyarakat.

Secara keseluruhannya, cadangan yang dihuraikan berdasarkan kajian ke atas unsur patriotisme dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* : satu kajian terhadap pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu ini mempunyai kaitan. Meskipun teks ini adalah terbitan lama, namun keupayaan penulis dalam menyampaikan maksud tersurat dan tersirat menerusi unsur patriotisme ini amat dikagumi. Oleh itu, pengkaji menjadikan unsur patriotisme ini sebagai panduan dalam mencetuskan cadangan-cadangan yang relevan dan boleh digunapakai pada masa kini, mahupun pada masa hadapan. Jelaslah bahawa unsur patriotisme dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* ini mampu memberi impak yang positif kepada masyarakat untuk menabur bantu serta sayang akan negara.

#### 5.4 Implikasi Kajian

Menerusi kajian yang telah dihasilkan oleh pengkaji, pengkaji meletakkan harapan yang tinggi agar keseluruhan hasil kajian yang dibuat ini mampu memberikan kesan serta impak yang positif kepada masyarakat untuk dijadikan panduan dalam kehidupan. Dalam pada itu, kajian unsur patriotisme dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* menerusi pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu melalui Pendekatan moral ini telah dipertingkatkan secara ringkas dalam rangka ilmu sastera untuk dinilai dan diamati oleh masyarakat.

Rentetan itu, kajian yang dijalankan ini mampu mendedahkan kepada masyarakat untuk membuka fikiran mereka tentang pentingnya unsur patriotisme ini diterapkan dalam kehidupan mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat kini terutama anak muda sangat mudah terpengaruh dengan budaya luar yang sememangnya akan meruntuhkan akhlak serta moral mereka secara halus. Oleh itu, sekiranya kajian yang dijalankan ini dapat difahami dan dihayati oleh masyarakat sememangnya ia menjadi salah satu cara untuk memberi kesedaran kepada mereka untuk terus sedar akan pentingnya menjadi warganegara yang berguna serta menghargai segala jasa dan pengorbanan yang telah dibuat oleh pejuang dahulu demi keamanan negara yang kita rasai pada masa ini.

Tambahan pula, kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji ini turut mampu memberi kesan menerusi pengetahuan baru kepada masyarakat tentang erti patriotisme yang sebenar serta kajian yang dijalankan ini juga mampu dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada pengkaji akan datang yang mahu mendalami kajian berkaitan dengan unsur patriotisme. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian


ini memberi penekanan tentang unsur patriotisme secara mendalam dan amat sesuai untuk dijadikan bahan rujukan mahupun bacaan.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN



## 5.5 Penutup

Kesimpulannya, kajian ini dapat dilihat bahawa penerapan unsur patriotisme dalam kalangan masyarakat adalah sesuatu hal yang perlu dititikberatkan. Hal ini dikatakan demikian kerana bagi memerangi masalah keruntuhan fahaman serta semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat seharusnya mendapat sambutan dan penglibatan daripada semua pihak. Bersatu teguh, bercerai roboh merupakan sebuah peribahasa yang sesuai digunakan untuk merujuk kepada kepentingan menerapkan, menyemai, dan memupuk unsur patriotisme dalam diri setiap masyarakat. Negara Malaysia sememangnya mempunyai pelbagai bangsa dan agama. Oleh itu, setiap masyarakat memainkan peranan dalam memastikan diri mereka mempunyai perasaan sayang dan cinta akan negara Malaysia. Dengan itu, unsur patriotisme mempunyai kepentingannya yang tersendiri dalam hidup bermasyarakat dan semestinya ia akan menjamin kesejahteraan hidup sejagat.

## Rujukan

- Abdul Latip Talib. (2008). *Leftenan Adnan Wira Bangsa*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Abdul Aziz (Ed.), Patriotisme Kemandirian Kita. *Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad Universiti Utara Malaysia*, 67-86.
- Abdullah. (2009). Patriotisme kemandirian kita. Dlm Abdul Rahman Abdul Aziz (Ed.), Hlm. 47–60). Kedah: Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad Universiti Utara Malaysia
- Abdul Rahim. (1999). Pendidikan Sejarah: Falsafah, Teori dan Amalan. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Andriza. (2017). Bentuk-bentuk Perjuangan Tokoh Utama untuk Meraih Impian dalam Novel “Sang Pemimpi” Karya Andrea Hirata: Analisis Psikologi Sastra. Medan: Universitas Sumatera Utara.
- Aziz Ujang, Jamaluddin Md. Jahi, Kadir Ariffin dan Kadaruddin Aiyub. (2014). Kesedaran Generasi Muda Terhadap Patriotisme dan Perpaduan Nasional di Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 2 (2), 31-39.
- Daniel Bar Tal & Ervin Staub. (1997). Tahap Kebolehan Pelajar Mendefinisikan Patriotisme Melalui Pengajaran Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa. *Jurnal Peradaban Melayu*, 15, 59-68.
- Dewan Siswa. (2013). Menghormati Sensitiviti Kaum, 35 (11), 38-39
- Hashim Awang. (1989). Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 6, 35-44.
- Holmes dan van Marle. (1959). Nilai patriotisme belia Malaysia. Institusi Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Ibnu Khaldun, (1967). Pengaruh semangat kekitaan dan penghayatan sejarah terhadap pemertabatan bahasa kebangsaan sejarah terhadap pemertabatan bahasa kebangsaan dalam kalangan mahasiswa pelbagai etnik di institusi pengajian tinggi Malaysia. Universiti Putra Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2004) Tahap Kebolehan Pelajar Mendefinisikan Patriotisme Melalui Pengajaran Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa. *Jurnal Peradaban Melayu*, 15, 59-68.
- Kardi, Nordin. (2009). Ke Arah Penubuhan Majlis Patriotisme Negara.

- Mana Sikana. (1997). Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat . *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, (6), 35-44.
- Mohd Firdaus Che Yacoob & Normaliza Abd Rahim. Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*, 4(2), 48-57.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali dan Mohd Rushdan Jalani. (2015). Kajian Semangat Patriotisme dan 1 Malaysia Dalam Kalangan Mahasiswa Di Timur Tengah. *Journal Abqari*, 5, 7-22.
- Mohd Taib Osman (2004). *Globalisasi. Patriotisme dan Isu-isu Kemasyarakatan*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Muhammad Ali Embi. (2009). Kesedaran Patriotik Dalam Kalangan Belia Bandar Di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Sosial Ilmu Politik Universitas Hasanuddin*, 1(1), 11-120.
- Naffi Mat. (2012). Tahap Kebolehan Pelajar Mendefinisikan Patriotisme Melalui Pengajaran Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa. *Jurnal Peradaban Melayu*, 15, 59-68.
- Nathanson, S. (2007). Kesedaran generasi muda terhadap patriotisme dan perpaduan Nasional di Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 31-39
- Nik Anuar Nik Mahmud. (2002). Patriotisme dalam penulisan sejarah. kertas kerja dibentangkan di Kongres Patriotisme Negara, di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, anjuran Biro Tatanegara dan Universiti Utara malaysia, Bangi pada 22 - 28 Oktober 2002.
- Noramirah Kamaruddini & Wan Mohd Kahairul Firdaus Wan Khairuddin (2017). Analisis Wacana Kritis Bahasa Dan Kuasa: Kepimpinan dan Permuafakatan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(3) , 1-18.
- Nordin Kardi. (2003). Nilai patriotisme belia Malaysia. *Institusi Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia*.
- Noor Mohammad (2012). Generasi Muda Berjiwa Patriotisme. *Dewan Masyarakat*. Kuala Lumpur, 50 (9), 28-29.
- Rahman Shaari. (1994). Daerah Zeni : analisis teori moral. Jabatan Bahasa, Budaya dan Sastera FSSK Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Robert L. Clitrap. (2008). Belajar adalah suatu perubahan kegiatan reaksi terhadap lingkungan.

- Sabitha Marican. 2005. Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif*. Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka.
- Semi (1993). Nilai moral dalam Tanda Basa Baduy. *Kantor Bahasa Provinsi Banten, Indonesia*, 12 (2), 269-282. sastra. Bandung: Angkasa
- Syed Farid. (2006). Ibn Khaldun and Contemporary Sociology. *International Sociology*, 21(6), 782-795.
- Shamsul (2007). Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaian. *Institusi Kajian dan Latihan Integrasi Nasional. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Jurnal Perpaduan* 2019. 6-167
- Shafezah Abdul Wahab. (2017). Patriotisme peribadi dalam novel-novel terpilih. *Jabatan Bahasa Melayu. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia*, 2(1). 63-92

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN